

TICKET
TO
VICTORY 4.0



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

SEJARAH

SPM 2024

- 5 SET SOALAN KERTAS 1
- 5 SET SOALAN KERTAS 2
- MOD INTERAKTIF KOD QR



SEKTOR PEMBELAJARAN | JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK



Sila imbas untuk
merekodkan penggunaan




PANDUAN PENGGUNAAN

DAFTAR



Imbas Kod QR pada muka hadapan bagi merekodkan penggunaan.

KERTAS 1




Boleh dibuat secara bertulis dan ulangkaji semula di dalam talian melalui pautan kod QR yang disediakan.

FOKUS



Modul ini berunsurkan kertas soalan sebenar SPM

KERTAS 2



Ruangannya menulis jawapan telah disediakan untuk semua soalan pada Kertas 2

MOD INTERAKTIF



Video mengenai tajuk melalui imbasan kod QR

Latihan objektif berdasarkan soalan secara dalam talian

PDF



Dokumen ini dalam format PDF bagi memudahkan penggunaan kepada semua. Namun begitu, ia dikunci untuk sebarang perubahan. (Lock for editing)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Tisi Kandungan

<i>Pendahuluan</i>	4
<i>Kata Aluan Tuan Pengarah</i>	5
<i>Kata Aluan Timbalan Pengarah</i>	6
<i>Pengurusan Tertinggi</i>	7
<i>Penghargaan</i>	8
<i>Kamus Istilah @PPD Bagan Datuk</i>	9
<i>Model Jawapan SPM</i>	14
<i>Analisis Tajuk SPM</i>	16
<i>Set 1 : Kertas 1</i>	19
<i>Set 1 : Kertas 2</i>	25
<i>Set 2 : Kertas 1</i>	39
<i>Set 2 : Kertas 2</i>	45
<i>Set 3 : Kertas 1</i>	58
<i>Set 3 : Kertas 2</i>	64
<i>Set 4 : Kertas 1</i>	77
<i>Set 4 : Kertas 2</i>	83
<i>Set 5 : Kertas 1</i>	96
<i>Set 5 : Kertas 2</i>	102
<i>Kod QR Bahan Sejarah</i>	115



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Pendahuluan

Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif Guru Cemerlang, Jurulatih Utama serta guru-guru mata pelajaran Sejarah yang berpengalaman telah menghasilkan modul Sejarah Ticket to Victory edisi 2024 yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5. Penerbitan modul ini merupakan inisiatif Unit Sains Sosial Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak dalam menyediakan soalan-soalan mengikut topik dan skema jawapan berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2021. Bagi edisi Modul Sejarah Ticket to Victory 2024 ini, panel penerbitan telah menyediakan modul dalam format dokumen mudah alih (pdf) dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan kerja rumah. Selain daripada itu, isi kandungan modul pada kali ini mengandungi sisipan yang boleh membantu pelajar memahami topik-topik penting yang perlu dikuasai bersesuaian dengan tahap pencapaian pelajar. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina item soalan di sekolah masing-masing mengikut format SPM. Justeru itu, diharapkan agar modul Sejarah Ticket to Victory 2024 ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu “Winning Mentality & SPb Leading Model”.

Sektor Pembelajaran,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tawas Baru Utara,
Tasek Damai,
30010, Ipoh,
Perak Darul Ridzuan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Rata Aluan Tuan Pengarah

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh.

Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, salam Perak Sejahtera 2030 dan Salam Anak Yang Baik Lagi Cerdik.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka modul Ticket to Victory mata pelajaran Sejarah edisi 2024 ini berjaya dihasilkan. Modul yang dihasilkan oleh Unit Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif Guru Cemerlang, Jurulatih Utama serta guru-guru mata pelajaran Sejarah yang berpengalaman memberi tumpuan kepada tajuk-tajuk penting yang perlu dikuasai oleh calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun ini. Modul edisi 2024 ini juga mengandungi penambahbaikan kerana memberi perhatian kepada semua peringkat calon serta bersasar. Melalui pendekatan berfokus begini diharapkan agar modul ini dapat membantu pelajar-pelajar untuk menguasai fakta-fakta penting dan tajuk-tajuk tertentu mengikut kemampuan pelajar. Hal ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti jawapan calon serta meningkatkan kuantiti lulus calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia di negeri Perak khususnya bagi mata pelajaran Sejarah.

Jabatan Pendidikan Negeri Perak amat berharap agar melalui penerbitan modul ini dapat membantu guru-guru menyediakan latihan dan soalan latihan tubi berfokus agar para pelajar lebih bersedia untuk menghadapi dan menjawab soalan Sejarah Sijil Pelajaran Malaysia nanti. Bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Sains Sosial Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak serta guru-guru yang telah bergabung tenaga dan idea bagi menghasilkan modul ini. Semoga komitmen dan kerjasama erat ini akan membuahkan hasil yang diharapkan serta diberkati dan dirahmati Allah SWT.



DATU' MOHAMAD FAUZI BIN MAHSON, D.P.M.P.A.M.P
Pengarah Pendidikan Negeri Perak



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Rata Aluan Tuan Timbalan Pengarah

Assalamualaikumwarahmalullahiwabarakatuh.

Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, serta salam Anak Yang Baik Lagi Cerdik

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah merealisasikan dengan jayanya modul Sejarah 'Ticket to Victory 2024'. Modul ini menggambarkan kecekalan warga pendidik di negeri Perak untuk menghasilkan modul untuk digunakan oleh calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia di negeri Perak Darul Ridzuan.

Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak amat berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Unit Sains Sosial JPN yang berkolaboratif dengan Guru Cemerlang Sejarah, Jurulatih Utama serta guru-guru Sejarah negeri ini dalam menyiapkan modul ini. Modul ini akan membantu guru-guru mempersiapkan pelajar-pelajar mereka bagi menjawab soalan Sejarah kerana modul ini dihasilkan berpandukan format yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menyempurnakan modul Sejarah 'Ticket to Victory 2024' ini. Diharapkan melalui kerjasama daripada semua pihak yang digembleng sepenuhnya dalam menghasilkan modul ini berhasil meningkatkan kualiti jawapan calon seterusnya melonjakkan kecemerlangan pelajar di negeri ini. Semoga usaha ini tidak terhenti setakat ini, sebaliknya semua pihak perlu berperanan dalam usaha melakarkan kegemilangan pendidikan di negeri Perak.

Salam hormat

SAFUAN BIN HAJI RABA'AI
Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Pengurusan Tertinggi



DATO' MOHAMAD FAUZI BIN MAHSON, D.P.M.P., A.M.P
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perak



EN. SAFUAN BIN HJ. RABA'AI
Timb. Pengarah Sektor Pembelajaran JPN Perak



EN. AHMAD MAHFUZ NAJHAN BIN SHAHAR MURSHID
Ketua Penolong Pengarah Kanan
[Pengajian Am]



EN. MOHD AZHAR BIN RADIZUAN
Penolong Pengarah
[Sejarah]



EN. MOHD DZULKIFLY BIN MUSANIF
Penolong Pengarah
[Geografi/Pendidikan Moral]



EN. KALIFANDI BIN ABD RAHMAN
Penolong Pengarah
[Prasekolah]



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Penghargaan

KETUA PEMBINA SOALAN



En. S. Sivanandam
a/l Subramaniam

GURU CEMERLANG SEJARAH NEGERI PERAK



En. Abdul Ghani
Bin Abu Bakar



En. Yusuff bin
Ahmad@Harun



Pn. Robaiza Binti
Zainal Abidin



Pn. Rosliza
Binti Ramli



Pn. Ayuniza Furzani
Binti Saari

PANEL PEMBINA SOALAN



En. Tun Mohd Saufi
Bin Ahmad Zakaria



En. Muhammad Sallih
Bin Asrani



En. Mohd Shahswan
Nizam Bin Sharuddin



En. Khoo Phau Tzen



En. Mohamad Hafiz
Bin Mohamed



En. Hasri Bin
Sahabudin



En. Mohd Husni
Bin Ariffin



En. Mohd Azrul Bin
Mohd Zamal Abidin



En. Mohd Alif Firdaus
Bin Ismail



En. Mohd Syahrel
Bin Ismail



En. Amril Amre
Bin Razalli



En. Azmil Bin
Shariffud-Din



En. Jupri Bin Sanhosi



En. Mohd Nazri
Bin Khalid



En. Khairul Kamel
Bin Ahmad



Tn. Hj. Wan Yunus
Bin Wan Isa



Pn. Razmarina
Binti A. Rasak



Pn. Aini Binti Bakri



Pn. Mages
a/p Venugopal



Pn. Santhiyah
a/p Vasudevan



Pn. Ropidah
Bin Shapee



Pn. G.Revathy
a/p Ganesan



Pn. Manimala
a/p Shanmugam



Pn. Nurulfaiza Binti
Mohd Saleh



Pn. Noraliza Binti
Abdul Latib



Pn. Mazura Binti
Haji Manan



Pn. Yusniza Binti
Abdul Ghaffar



Pn. Harison
Binti Hassan



Cik Hamidah
Binti Hamid



Pn. Surayah
Binti Ismail



Pn. Norlyzan
Binti Ismail



Cik Rofidah Binti
Ahmad Badri



Cik Rofidah Binti
Ahmad Badri



En. Mohd Azlizan
Bin Omar
[Teknikal, Ilustrasi
& Kawalan Mutu]



En. Syaharawi
Bin Ishak
[Teknikal, Ilustrasi
& Kawalan Mutu]

POLITIK / EKONOMI / SOSIAL

BAHASA	MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
P	Stabil	stable	நிலையானது	稳定
	Hubungan Diplomatik	Diplomatic relationship	இராஜதந்தர உறவு	外交关系
	Pemimpin Bijaksana/ Adil	Wise leader/ Fair leader	தலைவர்/ பத்ததாச நநரல் யையான	明智/公正的领导者
	Pemimpin Disegani	respected leader	தெற்றரிய தலைவர்	受人尊敬的领导者

BAHASA	MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
E	Kemakmuran	prosperity	செழிப்பு	繁荣
	Berdaya saing	competence	போட்டி	拥有竞争能力
	Keuntungan	Benefit/profit	இனரின்	利润
	Pekerjaan	Job/occupation	சதாழை	工作
	Meningkatkan pendapatan	Increase the income	வரையானதலதி சிருறதை	提升收入

BAHASA	MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
S	Perpaduan	unity	ஒற்றுமை	团结
	Kerjasama	cooperation	உன்றிட/ ஒத்தலழிப	合作
	Bersatu padu	unite	ஐகயை	团结一致
	Toleransi	tolerance	சகிப்புத்தன்மை	包容
	Harmoni	harmony	இணக்கம்	和谐

SUPER - Kata kunci yang boleh digunakan

MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
KESAN POSITIF	positive effect	நேர்மறையான விளைவு	效果
BUKTI	proof	ஆதாரம்	证据
KEPENTINGAN	Advantage/ importance	முக்கியத்துவம்	团结一致
MANFAAT	benefit	பலன்கள்	包容

BAHASA	MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
S	Sejahtera	harmony	செழிப்பு	安宁
U	Unggul	Superior/excellent	உயர்ந்தவர்	杰出/良好
P	Politik	politics	அரசயை	政治
E	Ekonomi	economy	பொருளாதாரம்	经济
R	Raja	King/Ruler	அரதர்	国王/王位

KEMPUNAN - Kata kunci yang boleh digunakan

MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
CARA	Way/method	மலற	方法
TINDAKAN	action	நடவடிக்கை	行动
USAHA	effort	முயற்சி	努力
LANGKAH	Step/action	படிகள்	步骤
CADANGAN	Suggestion	முன்மொழிவு	建议
LAKUKAN	do	செய்	做/实行
BAGAIMANAKAH	how	எப்படி	怎样

BAHASA	MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
KE	KEMPEN	campaign	பிரச்சாரம்	活动
M	MEDIA	media	ஊடகம்	媒体
P	PENDIDIKAN	education	கல்வி	教育
UN	UNDANG - UNDANG	laws	சட்டம்	法律
AN	TOLAK ANSUR	Compromise /agreement/tolerance	வ்டுகா டத்தை	礼让

KATA TUGAS SOALAN

MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
Kebaikan/manfaat/ Kepentingan	Benefit/advantage	நன்மை/ முக்கியத்தை	好处/重要性
Cara/Tindakan /usaha/Cadangan/ Saranan	Method/ effort/suggestion	மயற்ச/வழி/ ஆனாதலன/ பரிந்துரைகள்	方法/行动/努力/建 议
Nilai	Value	மதிப்பு	价值
Iktibar/Pengajaran	Wisdom/moral values	அறிவுரை / பாடம்	教训/榜样/教导/教
Kesan	Effect	விளைவு	后果
Faktor/Sebab/Punca	Reason/cause	காரணி/காரணம்/ காரணம்	因素/原因
Cabaran	Challenge	தவான்	挑战
Reaksi/ tindak balas	Reaction/response	எதரவ் லன	反应/回应
Ramalkan /buat andaian	predict	கணிக்கவும் / அனுமானம்	预测/假设
Pandangan/pendapat	Opinion/judgement	காட்சி / கருத்து	意见/看法
Ulasan / huraian /penerangan	explanation	விமர்சனங்கள்	分析/解释
Latar belakang/sejarah	Background/history	பின்னணி / வரலாறு	背景/历史
Takrif/konsep/maksud	concept/Meaning	வரையறை/கருத்து/ பொருள்	定义/概念/意思

CINTA -Kata kunci yang boleh digunakan

MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
PERANAN	role	பங்கு	角色
SUMBANGAN	contribution	பங்களிப்பு	贡献
TANGGUNGJAWAB	responsibility	பொறுப்பு	责任
PERSIAPAN UNTUK NEGARA	Preparation for the nation	தயாரிப்பு நாட்டிற்கு	为国家做准备
NASIONALISME	Nationalism/ national loyalty	தேசியவாதம்	民族主义
PATRIOTISME	Patriotism/ love towards country	தேசபக்தி	爱国主义

BAHASA	MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
C	Cinta	love	அன்பு	爱
I	Ilmu	knowledge	அறவ	知识
N	Negarawan	statesman	அரசியல்வாதி	政治家
TA	Taat	Obedience (obey)	கீழ்ப்படிதல்	服从/忠诚

ISTILAH SEJARAH

MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
Kedaulatan/Kemerdekaan/ Kebebasan	Sovereignty/independence/ freedom	இலறயரி லை/ சதந்தரை/சதந்தரை	主权/独立/自由
Patriotisme/cinta negara	Love of nation	தேசபக்தி / தேசத்தின் அன்பு	爱国
Nasionalisme /semangat kebangsaan	Loyalty/devotion to the nation	தேசியவாதம் / தேசிய ஆவி	民族精神
Intelektual / cendekiawan/ bijak pandai	A learned person/ an intelligent person	அறவாளி/ அறிர்/பத்ததாச	知识分子/聪明的人
Konflik/krisis/pergaduhan	Conflict	மோதல்/நெருக்கடி/ சண்டை	争执/危机
Imperialis / penjajah	coloniſt	ஏகாதிபத்தியம் / குடியேற்றக்காரர்	帝国主义 (一个国家通过夺取别国领土和奴役别国人民来建立经济和政治权力)/殖民者 (不合法侵占别国领土的人)
Imperialisme / penjajahan	colonisation	ஏகாதிபத்தியம் / குடியேற்றம்	帝国主义/殖民化
Ideologi / fahaman politik	Political understanding	சித்தாந்தம் / அரசியல் புரிதல்	拥有自主思想/政治理解

ISTILAH SEJARAH

MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
Perlembagaan/ undang-undang tertinggi	Constitution/highest law	அரசியலமைப்பு/ சட்டமிக உயர்ந்தது	开发/利用/抓住机会
Eksplotasi / penggunaan secara maksima/ambil kesempatan	Exploitation / taking advantage	தேசபக்தி / தேசத்தின் அன்பு	减少/限制
Catu / had	Cut/shortage	தேசியவாதம் / தேசிய ஆவி	减少/限制
Kompromi / tolak ansur/ toleransi	Compromise/tolerance	அறவாளி/ அறிர்/பத்ததாச	妥协/礼让/包容
Muafakat / kerjasama	cooperation	மோதல்/நெருக்கடி/ சண்டை	共识/相互认同/合作
Strategi/langkah	steps	உத்த/படிகள்	策略/方法
Anti penjajah/ benci penjajah	Hatred towards the colonist	ஏகாதிபத்தியம் / காலனித்துவம்	反殖民
Stabil / seimbang	balance	சித்தாந்தம் / அரசியல் புரிதல்	稳定/平衡
desakan	pressure	வசடறத்தை	强迫
Pewarisan	inheritance	பரம்பரை	遗产
Muslihat/penipuan	Tricks/Lies	தந்திரம் / மோசடி	奸计/欺骗
Demonstrasi/perhimpunan awam	Demonstration	ஆர்ப்பாட்டங்கள்/ கூட்டங்கள்	示范/集会
Kempen /Kegiatan yang dirancang	Campaign/ Planned activities	பொது	活动
Memorandum / cadangan	Memorandum/suggestion	மெமோராண்டம் / முன்மொழிவு	备忘录/建议
Risalah/pamphlet/brosur	Pamphlete,brochure	துண்டு பிரசுரங்கள் /சிற்பேடு	小册子

ISTILAH SEJARAH

MELAYU	INGGERIS	TAMIL	CINA (MANDARIN)
Referendum / pungutan suara	General vote	வாக்கெடுப்பு	全民投票
Kabinet /Jemaah menteri	ministers	மந்திரி சபை	内阁
Konfrontasi/penentangan	resistance	மோதல்/எதிர்ப்பு	对抗/反抗
Kronologi / susunan cerita	Chronology/arrangement of events	கதையின் காலவரிசை / வரிசை	年表（根据时间排 列事件的表）
Infrastruktur/prasarana/ kemudahan awam	Public amenities	உள்கட்டமைப்பு/ பொது வசதிகள்	公共设备
Integrasi / kesepaduan / kebersamaan	Integration/togetherness	ஒரங்கலிப/ ஒற்றலை/ ஒன்றா	综合/统一
Eksekutif / pelaksana	executive	நிர்வாகி / நிறைவேற்றுபவர்	执行人员
Kongres/Mesyuarat besar wakil pertubuhan	Important meeting	காங்கிரஸ் / பொதுக்கூட்டம் அமைப்பின் பிரதிநிதி	国会/重要会议
Kemelesetan ekonomi	recession	மந்தநிலை	经济衰退
Reaksi/tindak balas	Reaction/response	எதிர்வினை / எதிர்வினை	反应/回应
Memartabat / mengangkat	Make important/uplift	உயர்த்தவும் / உயர்த்தவும்	提高地位
Memupuk / menyemai	Nurture	விதைக்கவும்	培养

MODEL JAWAPAN

PERSIAPAN MURID UNTUK MENJAWAB SOALAN KBAT

- Soalan KBAT kini dalam bentuk petikan, gambar, puisi dan dalam pelbagai bentuk.
- Mahir dalam memilih dan mengeluarkan idea/ pendapat/ mesej yang terdapat dalam bahan rangsangan.
- Boleh di jawab secara holistik (Fakta+ Huraian+Contoh) atau analitikal (Fakta + Fakta atau bercampur kedua-duanya sekali.
- Latihan yang konsisten.
- Membuat rangka dengan menyenaraikan kata kunci.

SEMASA MENJAWAB SOALAN KBAT

- Memilih , mencerakinkan dan mengeluarkan apa-apa sahaja idea yang munasabah/ logik dan berkaitan.
- Jawapan KBAT boleh terdiri secara berfokus atau secara umum bergantung pada soalan
- Berani menulis jawapan dan tidak takut untuk memberi idea yang munasabah.
- Membuat rangka dengan menyenaraikan kata kunci sebelum menulis jawapan.

ISU / CABARAN CALON SPM BERKAITAN SOALAN KBAT

- Murid tidak faham kehendak soalan
- Murid cuai, kebanyakan soalan KBAT ada dua bahagian. Contoh : Isu /kesan
- Murid tidak mampu mencari isi penting dalam petikan.
- Terlalu bimbang dan takut untuk melontarkan idea atau pandangan sendiri

TEKNIK HAFAL FAKTA

7.3 BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DAN BAHASA PERPADUAN

- M - Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa dilancarkan**
- M - Mahkamah menggunakan Bahasa Melayu**
- A - Akta Bahasa Kebangsaan**
- A - ATMA jadi pusat penyelidikan, rujukan bahasa**
- S - Slogan Bahasa Jiwa Bangsa**
- S - Sekolah Alam Shah, Sekolah Seri Puteri, Sekolah Sultan Abdul Halim ditubuhkan**
- U - UKM ditubuhkan**
- K - Kempen, bengkel, seminar, penerbitan buku**
- D - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan**
- B - Bahasa pengantar di sekolah**
- B - Bahasa rasmi pentadbiran kerajaan**
- B - Bahasa Melayu wajib lulus dalam SPM**
- P - Peperiksaan dalam Bahasa Melayu**

Wajib bahasa Melayu



SOALAN ESEI @ STRUKTUR

1(a). Senaraikan 2 Pakatan yang terlibat dalam Perang Dunia Kedua. [2 markah]

- Kuasa Paksi
- Kuasa Bersekutu

6(a). Terangkan peristiwa Perang Dunia Kedua. [4 markah]

Perang Dunia Kedua berlaku pada tahun 1939. Ia melibatkan Kuasa Paksi iaitu Jerman, Itali dan Jepun. Pakatan seterusnya ialah kuasa bersekutu. Ia terdiri daripada Britain, Amerika Syarikat, Perancis dan Rusia.

CONTOH PENULISAN JAWAPAN SOALAN KBAT

Sebagai warganegara yang cinta akan negara, bagaimanakah cara anda untuk mempertahankan keunggulan dan kedaulatan negara ?

Mulakan jawapan dengan kehendak soalan

Cara mempertahankan keunggulan dan kedaulatan negara ialah

FAKTA : Taat setia kepada raja dan negara

1 markah

FAKTA + HURAIAN

Cara mempertahankan keunggulan dan kedaulatan negara ialah taat setia kepada raja dan negara agar politik negara menjadi stabil

2 markah

FAKTA + HURAIAN + CONTOH

Cara mempertahankan keunggulan dan kedaulatan negara ialah taat setia kepada raja dan negara agar politik negara menjadi stabil. Contohnya rakyat pelbagai kaum hidup bersatu padu.

3 markah

FAKTA + HURAIAN + CONTOH + KESAN

Cara mempertahankan keunggulan dan kedaulatan negara ialah taat setia kepada Raja dan Negara agar politik negara menjadi stabil. Contohnya rakyat pelbagai kaum hidup bersatu padu. Kesannya imej negara meningkat.

4 markah

MODEL PENANDAAN

1(a). Senaraikan 2 Pakatan yang terlibat dalam Perang Dunia Kedua. [2 markah]

Kata Tugas

STIMULUS

Kuasa utama dalam Perang Dunia Kedua	
Kuasa Paksi	Kuasa Bersekutu
Jerman Itali Jepun	Britain Amerika Syarikat Perancis Rusia

Dua Pakatan yang terlibat dalam perang dunia kedua ialah (kuasa paksi) dan (kuasa bersekutu.)

2(a). Nyatakan dua jawatankuasa yang terlibat dalam sambutan pemahsyuran kemerdekaan. [2 markah]

Kata Tugas

STIMULUS

(Dua jawatankuasa yang terlibat dalam pemahsyuran kemerdekaan ialah Jawatankuasa Fizikal) dan (Jawatankuasa Sambutan.)

3(a). Jelaskan maksud Kerajaan Persekutuan. [2 markah]

Kata Tugas

STIMULUS

(Kerajaan Persekutuan merujuk kepada gabungan lebih dari dua buah negeri.) (Gabungan ini membentuk sebuah negara bersekutu.)

4(a). Senaraikan dua usaha Kerajaan dalam memartabatkan Bahasa Melayu selepas merdeka. [2 markah]

Kata Tugas

STIMULUS

(Usaha pertama ialah memperkenalkan Akta Bahasa Kebangsaan.) (Usaha kedua ialah menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka.)

1(b). Jelaskan peranan sultan dan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka. [4 markah]

Kata Tugas

STIMULUS

(Peranan sultan yang pertama ialah menjaga keselamatan rakyat negeri baginda.) (Peranan kedua ialah Sultan bertanggungjawab mewujudkan perpaduan rakyat.) (Peranan rakyat ialah memberikan taat setia kepada pemerintah.) (Rakyat juga bersedia mematuhi segala arahan pemerintah.)

2(b). Jelaskan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan dalam menangani ancaman komunis. [4 markah]

Kata Tugas

STIMULUS

(Usaha Kerajaan ialah menguatkuasakan undang-undang darurat.) (Kerajaan menahan sesiapa sahaja disyaki komunis.) (Kerajaan mengenakan hukuman berat kepada sesiapa yang bantu komunis.) (Kerajaan juga menetapkan undang-undang senjata api iaitu hukuman mati.)

K2 : SOALAN (a) – Fakta Ringkas

Kata Tugas

STIMULUS

6(a). Jelaskan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [4 markah]

(Faktor pertama ialah penentangan oleh orang Melayu terhadap Malayan Union.) (Faktor kedua ialah Malayan Union memberikan kesan buruk kepada orang Melayu.) (Faktor ketiga ialah sokongan oleh pegawai British.) (Ini kerana ia dapat mewujudkan keamanan dan kemajuan ekonomi.)

K2 : SOALAN (a) – Fakta Ringkas

Kata Tugas

STIMULUS

7(a). Jelaskan peranan Majlis Raja-Raja mengikut perlembagaan Persekutuan. [4 markah]

(Peranan pertama ialah memilih Yang di-Pertuan Agong.) (Peranan kedua ialah memperkenankan pindaan perlembagaan.) (Peranan ketiga ialah memperkenankan perubahan sempadan negeri.) (Peranan keempat ialah menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes khas.)

ANALISIS TAJUK SPM 2021 - 2023

Tingkatan 4		SPM 2021/1	SPM 2021/2	SPMU 2022	SPM 2022	SPM 2023	SPMU 2023	SPM 2023
B A B 1	1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat	S1						
	1.2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka			S1	E5			
	1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang				E5			
	1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat							
B A B 2	2.1 Maksud Nasionalisme		E5					
	2.2 Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat							
	2.3 Perkembangan Nasionalisme di Asia							
	2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara							
	2.5 Kesedaran Nasionalisme di Negara Kita							
	2.6 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme		E5					
	2.7 Perkembangan Nasionalisme							E5
	2.8 Kesan Perkembangan Nasionalisme							E5
B A B 3	3.1 Nasionalisme di Negara Kita Sebelum Perang Dunia							
	3.2 Latar Belakang Perang Dunia			S2				
	3.3 Perang Dunia Kedua							
	3.4 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik							
	3.5 Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita		E6		E6		S1	
	3.6 Dasar Pendudukan Jepun di Negara Kita		E6		E6			
	3.7 Perjuangan Rakyat Menentang Pendudukan Jepun		E6					
	3.8 Perkembangan Gerakan Nasionalisme Tempatan dan Pendudukan Jepun							
	3.9 Keadaan Negara Kita Selepas Kekalahan Jepun							
B A B 4	4.1 British Military Administration	E5						
	4.2 Gagasan Malayan Union			E5	S1			
	4.3 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Malayan Union	E5		E5		S1		
	4.4 Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British				S1	E5		
	4.5 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sarawak							
	4.6 Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British							
	4.7 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sabah							
B A B 5	5.1 Latar Belakang Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948		S1					
	5.2 Faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948							
	5.3 Ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948		S1					
	5.4 Kesan Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948		S1					
B A B 6	6.1 Kemasukan Pengaruh Komunis di Negara Kita							
	6.2 Ancaman Komunis di Negara Kita	E6					S2	
	6.3 Usaha Menangani Ancaman Komunis	E6						
	6.4 Kesan Zaman Darurat terhadap Negara Kita							
B A B 7	7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka							
	7.2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum							
	7.3 Sistem Ahli							S2
	7.4 Sistem Pendidikan Kebangsaan	S2		E6				
	7.5 Penubuhan Parti Politik							
B A B 8	8.1 Perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu		S2					
	8.2 Proses Pilihan Raya Umum Pertama						E6	
	8.3 Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan							
	8.4 Peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu							
B A B 9	9.1 Usaha Rundingan Kemerdekaan					S2		
	9.2 Peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu							
	9.3 Langkah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka							
	9.4 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu							
B A B 10	10.1 Pengertian Kemerdekaan					S2		
	10.2 Persediaan Menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Negara							E6
	10.3 Detik Pemasyhuran Kemerdekaan Negara							E6
	10.4 Kesan Kemerdekaan terhadap Negara Kita							E6
	10.5 Prinsip Kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu							

ANALISIS TAJUK SPM 2021 - 2023

Tingkatan 5		SPM 2021/1	SPM 2021/2	SPMU 2022	SPM 2022	SPM 2023	SPMU 2023	SPM 2023
B A B 1	1.1 Konsep Kedaulatan	E7		S3				
	1.2 Ciri Negara Yang Berdaulat	E7		S3				
	1.3 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat							
	1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan						E7	
B A B 2	2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan		S3		E7			
	2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan				E7			
	2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan							
	2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 & 1965					S3		
B A B 3	3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen	S3		E7				
	3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja						S3	
	3.3 Yang Dipertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan							
	3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa				S3			
	3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita			E7				
B A B 4	4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita							
	4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri		S4					
	4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan & Kerajaan negeri							
	4.4 Faktor yang mengukuhkan Sistem Persekutuan							
B A B 5	5.1 Konsep Gagasan Malaysia							
	5.2 Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia	S4		E8				E7
	5.3 Reaksi Tempatan Dan Negara Jiran Terhadap Pembentukan Malaysia	S4						E7
	5.4 Langkah Pembentukan Malaysia							
	5.5 Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia							
	5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani			E8				
B A B 6	6.1 Cabaran Dalaman Malaysia		E7					
	6.2 Pemisahan Singapura		E7		E8			
	6.3 Menangani Ancaman Komunis							
	6.4 Isu Pembangunan Dan Ekonomi							
	6.5 Tragedi Hubungan Antara Kaum					E8		
B A B 7	7.1 Perpaduan dan Integrasi Nasional		E8					S4
	7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan							
	7.3 Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan							
	7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan							
	7.5 Sukan Sebagai Alat Perpaduan				S4			
	7.6 Rukun Negara Sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara			S4				
B A B 8	8.1 Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB)	E8					E9	
	8.2 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)	E8					E9	
	8.3 Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)							
	8.4 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)							
	8.5 Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) Dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)						E8	
B A B 9	9.1 Latar Belakang Dasar Luar	E9						
	9.2 Asas Penggubalan Dasar Luar	E9						
	9.3 Malaysia Dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)				E9			
	9.4 Malaysia Dalam Komanwel							
	9.5 Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar							
	9.6 Malaysia Dalam Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)			E9				
	9.7 Malaysia Dalam Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM)							
	9.8 Malaysia Dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)		E9			S4		
B A B 10	10.1 Malaysia Dalam Isu Global Kontemporari							
	10.2 Peranan Malaysia Dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa							
	10.3 Pelibatan Rakyat Dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan							
	10.4 Usaha Mengekalkan Kelestarian Global						E9	
	10.5 Wawasan Malaysia Menuju Masa Hadapan							

PEMETAAN SUB-TOPIK SETIAP SET

S E T 1	1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang	T4	Struktur
	6.1 Kemasukan Pengaruh Komunis di Negara Kita	T4	Struktur
	1.1 Konsep Kedaulatan	T5	Struktur
	7.6 Rukun Negara Sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara	T5	Struktur
	10.3 Pelibatan Rakyat Dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan	T5	Struktur
	1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat	T4	Esei
	5.3 Ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948	T4	Esei
S E T 2	1.3 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat	T5	Esei
	6.4 Isu Pembangunan Dan Ekonomi	T5	Esei
	2.1 Maksud Nasionalisme	T4	Struktur
	7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka	T4	Struktur
	3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa	T5	Struktur
	9.4 Malaysia Dalam Komanwel	T5	Struktur
	2.3 Perkembangan Nasionalisme di Asia	T4	Esei
S E T 3	6.3 Usaha Menangani Ancaman Komunis	T4	Esei
	2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan	T5	Esei
	7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan	T5	Esei
	3.1 Nasionalisme di Negara Kita Sebelum Perang Dunia	T4	Struktur
	8.1 Perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu	T4	Struktur
	4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita	T5	Struktur
	9.6 Malaysia Dalam Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)	T5	Struktur
S E T 4	2.6 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme	T4	Esei
	7.4 Sistem Pendidikan Kebangsaan	T4	Esei
	3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen	T5	Esei
	8.1 Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB)	T5	Esei
	4.6 Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British	T4	Struktur
	9.1 Usaha Rundingan Kemerdekaan	T4	Struktur
	5.1 Konsep Gagasan Malaysia	T5	Struktur
S E T 5	9.7 Malaysia Dalam Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM)	T5	Struktur
	3.3 Perang Dunia Kedua	T4	Esei
	8.3 Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan	T4	Esei
	4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan & Kerajaan negeri	T5	Esei
	9.1 Latar Belakang Dasar Luar	T5	Esei
	5.1 Latar Belakang Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948	T4	Struktur
	10.1 Pengertian Kemerdekaan	T4	Struktur
S E T 5	6.1 Cabaran Dalaman Malaysia	T5	Struktur
	9.8 Malaysia Dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)	T5	Struktur
	4.1 British Military Administration	T4	Esei
	9.3 Langkah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka	T4	Esei
	5.4 Langkah Pembentukan Malaysia (Suruhanjaya Cobbold),(JAK),MA63	T5	Esei
	10.1 Malaysia Dalam Isu Global Kontemporari	T5	Esei



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

MODUL GEMPUR SPM [SET 1]

1249/1

Sejarah

Kertas 1

November

1 jam

1249/1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap - tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

SET 01

1 Dalam sistem politik Melayu tradisional, kuasa dan pengaruh seorang raja terhadap sesebuah wilayah ditentukan berdasarkan

- A Persamaan budaya
- B Prinsip kepercayaan
- C Kesetiaan rakyat
- D Kegiatan ekonomi

2 Peta berikut menunjukkan empayar Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15



Melaka berjaya meluaskan empayarnya?

- I Rakyat setia kepada raja
- II Kerjasama pedagang asing
- III Bantuan negeri berhampiran
- IV Pemimpin berpandangan jauh

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Revolusi Perancis berlaku pada tahun 1789

Apakah kesan revolusi terhadap Perancis?

- A Kedudukan bangsawan kukuh
- B Sistem Republik dilaksanakan
- C Kuasa parlimen tergugat
- D Wilayah kecil merdeka

4 Mengapakah gerakan nasionalisme muncul di negara kita?

- A Kemunculan golongan intelek
- B Kegiatan ekonomi pelbagai
- C Galakan daripada kerajaan
- D Bantuan negara luar

SULIT

5 Maklumat berikut berkaitan strategi Jerman semasa Perang Dunia Kedua.

Operasi Barbarossa merupakan serangan besar-besaran untuk menawan Rusia

Mengapakah operasi tersebut menemui kegagalan?

- A Tempoh perang yang panjang
- B Tidak menyasarkan bandar utama
- C Persiapan ketenteraan yang singkat
- D Penyertaan Rusia dalam pasukan bersekutu

6 Bagi menangani kemelesetan ekonomi di Tanah Melayu, Jepun telah memperkenalkan

- I Jawatankuasa Penyelidikan Bahan
- II Rancangan Pengeluaran Lima Tahun
- III Institut Latihan Pemimpin - pemimpin Muda
- IV Rancangan Kemakmuran Bersama Asia Timur

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

7 Maklumat berikut merujuk kepada Kongres Melayu yang diadakan untuk menentang gagasan Malayan Union.

Tarikh	Peristiwa
1-4 Mac 1946	Sebanyak 41 buah pertubuhan Melayu menghantar wakil masing-masing yang terdiri daripada tokoh politik, sosial, perniagaan dan ekonomi

Apakah nilai yang diperolehi daripada peristiwa tersebut?

- A Berfikiran rasional
- B Berpandangan jauh
- C Semangat perpaduan
- D Saling bertimbang rasa

8 Mengapakah Charles Vyner Brooke bertindak menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British?

- A Menangani ancaman lanun
- B Memenuhi keperluan ekonomi
- C Melindungi penduduk tempatan
- D Menghadapi masalah kewangan



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 01

9 Mengapakah pihak British menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Menjamin kestabilan politik
- B Mengatasi ancaman ekonomi
- C Mengurangkan beban kewangan
- D Mengurangkan pengaruh kuasa raja

10 Apakah perkara yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Syarat kewarganegaraan
- B Kemerdekaan tanah air
- C Pendidikan vernakular
- D Pilihan raya umum

11 Bagaimanakah ideologi komunis disebarikan di Tanah Melayu?

- I Menyusup masuk dalam kesatuan sekerja
- II Melalui hubungan antara kerajaan
- III Interaksi antara kumpulan pedagang
- IV Pembukaan cawangan parti

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Apakah tujuan British melaksanakan Undang-Undang Darurat di Tanah Melayu?

- A Menghalang kemasukan Jepun
- B Mengukuhkan pengaruh radikal
- C Menghapuskan ancaman komunis
- D Meredakan tentangan rakyat tempatan

SULIT

13 Maklumat berikut berkaitan dengan pertubuhan politik di Tanah Melayu.

Tahun	Pertubuhan
1938	Kesatuan Melayu Muda
1945	Parti Kebangsaan Melayu Malaya


Apakah persamaan matlamat perjuangan pertubuhan tersebut?

- A Konsep “Merdeka dengan Darah”
- B Merdeka melalui konsep Melayu Raya
- C Penubuhan sebuah parti politik pelbagai kaum
- D Mengutamakan slogan Malaya untuk Melayu

14 Bagaimanakah perpaduan kaum dapat dicapai menerusi pelaksanaan Ordinan Pelajaran 1952?

- A Menekankan mata pelajaran sejarah
- B Mewajibkan mata pelajaran tatarakyat
- C Menegaskan kepentingan aktiviti kokurikulum
- D Menggunakan bahasa rasmi persekutuan

15 Rajah berikut berkaitan dengan proses Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955



Apakah X?

- A Pengiraan undi
- B Penamaan calon
- C Pengumuman keputusan
- D Penentuan sempadan pilihan raya

16 Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan yang ditubuhkan selepas Pilihanraya Umum 1955?

- A Mengambil alih pentadbiran
- B Menguruskan kewangan negara
- C Mengetuai pentadbiran negara
- D Menggubal undang-undang

**SUMBER INTERAKTIF :**

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 01

SULIT

17 Maklumat berikut merujuk kepada rundingan antara wakil Tanah Melayu dengan British.


Rundingan London
<ul style="list-style-type: none"> Dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd Berlangsung daripada 12 Januari hingga 8 Februari 1956

Apakah keputusan yang dicapai dalam rundingan tersebut?

- A Pelaksanaan pilihan raya umum
 - B Pengkalan hak istimewa orang Melayu
 - C Pemberian kemerdekaan tanah air
 - D Pelantikan jawatan Perdana Menteri
- 18 Raja-raja Melayu telah mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.


Cadangan yang manakah terkandung dalam memorandum tersebut?

- A Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
 - B Ketua Menteri mengetuai pentadbiran kerajaan
 - C Undang-undang tempatan dikuatkuasakan
 - D Syarat kewarganegaraan dikaji semula
- 19 Rajah berikut berkaitan takrif merdeka mengikut kamus dewan.



Apakah X?

- A Autonomi
 - B Berdaulat
 - C Jati diri
 - D Kesetiaan
20. Gambar berikut menunjukkan peristiwa kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957



Mengapakah peristiwa tersebut mesti dihargai oleh rakyat Malaysia?

- A Wujud kerjasama antara kaum
 - B Bukti ketabahan menghadapi cabaran
 - C Kebanggaan terhadap warisan budaya bangsa
 - D Pembebasan daripada belenggu penjajah asing
- 21 Jadual berikut berkaitan takrif kedaulatan dalam petikan pelbagai bahasa.

Bahasa	Takrif Kedaulatan
Bahasa Yunani	Superanus
Bahasa Inggeris	Sovereignty
Bahasa Arab	Daulah
Bahasa Melayu	Daulat

Apakah persamaan takrif kedaulatan?

- A Kekayaan hasil bumi
 - B Keluasan wilayah pengaruh
 - C Kekuatan ketenteraan
 - D Kekuasaan tertinggi
- 22 Apakah ciri - ciri negara yang berdaulat?
- I Kerajaan yang sistematik
 - II Sempadan yang jelas
 - III Kekuasaan ketenteraan
 - IV Kekuasaan tertinggi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 23 British telah memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat yang diambil dari England pada tahun 1807.

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

- A Menjaga kepentingan pedagang
- B Memperkukuh pasukan keselamatan
- C Melindungi penduduk asal
- D Menetapkan hala tuju pemerintahan negara



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 01

- 24 Mengapakah pindaan perlembagaan negara dilakukan pada tahun 1965?
- A Singapura berpisah daripada Malaysia
 B Hak autonomi Sarawak dan Sabah
 C Pengisytiharan bahasa kebangsaan
 D Pengasingan kuasa pemerintahan
- 25 Undang-undang berikut diwujudkan selepas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang
 - Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

Apakah kepentingan pengenalan undang-undang tersebut?

- A Pengenalan jawatan Yang di-Pertuan Agong
 B Pengamalan Raja Berperlembagaan
 C Pelaksanaan sistem demokrasi
 D Penerusan raja berkuasa mutlak
- 26 Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong menurut Perlembagaan Persekutuan?
- A Mengubah sempadan negeri
 B Mengetuai perkhidmatan awam
 C Mengawal perbelanjaan kerajaan
 D Mengisytiharkan darurat
- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan sejarah Sistem Persekutuan di Malaysia.
- Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896
 - Malayan Union 1946
 - Persekutuan Tanah Melayu 1948

Apakah persamaan yang terkandung dalam sistem tersebut?

- A Raja berkuasa mutlak
 B Penyatuan beberapa negeri
 C Pengukuhan undang-undang adat
 D Majlis Perundangan Persekutuan dibubarkan
- 28 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berusaha untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah kediaman.
- Bagaimanakah kedua-dua kerajaan mencapai matlamat tersebut?
- A Menyekat pembinaan rumah-rumah mewah
 B Memperbanyak pembinaan rumah mampu milik
 C Menyediakan pinjaman perumahan tanpa faedah
 D Melarang warga asing membeli rumah di Malaysia

SULIT

- 29 Sejak awal abad ke-19, British bercadang untuk menyatukan wilayah penguasaannya di Asia Tenggara.
- Mengapakah British bertindak sedemikian?
- A Menjamin keselamatan imigran
 B Mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu
 C Menghapuskan pengaruh komunis
 D Memudahkan pentadbiran tanah jajahan
30. Apakah tujuan penubuhan Parti Perikatan Sarawak pada tahun 1962?

- A Menyokong gagasan Malaysia
 B Membasmi ancaman komunis
 C Menentang Persekutuan Borneo
 D Meningkatkan taraf peribumi
- 31 Ancaman komunis di semenanjung Malaysia pada fasa kedua bermula pada 1969 hingga Disember 1978.

Apakah ancaman tersebut?

- I Menculik orang awam
 II Merobohkan rumah ibadat
 III Mengebom tempat awam
 IV Membunuh anggota keselamatan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 32 Senarai berikut berkaitan isu pembangunan dan ekonomi yang dihadapi negara kita.

- Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah
- Pendapatan petani yang rendah
- Teknologi pertanian ketinggalan

Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi isu tersebut?

- A Menetapkan kuota pengeluaran
 B Memperkenal tanaman dagangan
 C Melibatkan kerjasama sektor swasta
 D Mempelbagaikan hasil komoditi negara

**SUMBER INTERAKTIF :**

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 01

33 Maklumat berikut merujuk kepada institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Alam Shah • Universiti Kebangsaan Malaysia |
|---|

Mengapakah institusi tersebut ditubuhkan?

- A Menambahkan sumber tenaga mahir
 B Meningkatkan kemahiran berfikir
 C Memartabatkan bahasa kebangsaan
 D Menggalakkan kemasukan pelajar asing
- 34 Apakah resolusi yang telah dicapai dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan kali kedua yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 15 April 2017?

- A Mengukuhkan Rukun Negara
 B Memperkenalkan Pengajian Melayu
 C Menggubal Akta Pendidikan Kebangsaan
 D Melancarkan kempen Bahasa Jiwa Bangsa

35 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bermatlamat untuk mencapai perpaduan melalui pengagihan kekayaan negara.

Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai?

- A Melaksanakan ekonomi kawalan
 B Memantau pengurusan kewangan negara
 C Mengimbangi pembangunan antara negeri
 D Mengawal kadar inflasi

36 Kemajuan sosial telah dicapai melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Apakah kemajuan tersebut?

- I Menambah pendapatan rakyat
 II Meningkatkan kualiti kehidupan
 III Mewujudkan masyarakat progresif
 IV Menyelaras aktiviti kemanusiaan

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

SULIT

37 Maklumat berikut berkaitan pendirian Malaysia terhadap dasar Aparteid.

Tahun	Peristiwa
1960	Tunku Abdul Rahman menyuarakan penentangan Dasar Aparteid di Persidangan Ketua Negara Komanwel (CHOGM)

Mengapakah Malaysia mengambil pendirian tersebut?

- A Menangani masalah kemiskinan
 B Mendapat pengiktirafan dunia
 C Menjaga kepentingan perdagangan
 D Memperjuang hak persamaan taraf
- 38 Berikut adalah negara anggota Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura

Apakah sumbangan ASEAN terhadap negara-negara anggota?

- I Meningkatkan hubungan sosial
 II Menyediakan bantuan kewangan
 III Menyeragamkan sistem pentadbiran
 IV Menumpukan pembangunan ekonomi

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

39 Bagaimanakah Malaysia mengambil pendirian tegas dalam isu penyalahgunaan dadah peringkat global?

- A Membuat risikan antarabangsa
 B Menghukum pesalah tanpa bicara
 C Menyuarakan pandangan dalam forum antarabangsa
 D Memutus hubungan diplomatik dengan negara pengeluar

40 Malaysia telah memperkenalkan Anugerah Langkawi mulai tahun 1991.

Apakah tujuan anugerah tersebut diperkenalkan?

- A Menghargai sumbangan dalam bidang keamanan
 B Menggalakkan penglibatan dalam bidang teknologi
 C Menghargai sumbangan dalam bidang alam sekitar
 D Mengiktiraf pelibatan dalam bidang kemanusiaan

**SUMBER INTERAKTIF :**

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Sejarah
Kertas 2
November
2 Jam 30 minit

NO. KAD PENGENALAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

MODUL GEMPUR SPM [SET 1]

**SEJARAH
KERTAS 2
2 jam 30 minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
3. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan **tiga soalan** daripada **Bahagian B**
4. Tuliskan jawapan bagi **Bahagian A** dan **B** pada **ruangan jawapan** yang telah disediakan selepas soalan.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Serahkan semula buku soalan kepada pengawas selepas tamat peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

1 Pelayaran:

“... mualim hendaklah sentiasa beringat-ingat semasa pelayaran supaya selamat semuanya dalam pelayaran.”

(a) Apakah perkara yang terkandung dalam Undang-Undang Laut Melaka?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Terangkan syarat-syarat pelayaran mengikut Undang-Undang Laut Melaka.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c)



Penggubalan Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka telah membawa kepada kegemilangan empayar Kesultanan Melayu Melaka. Buktikan.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS

*Soalan
Objektif
Kertas 1*



TikTok

*Undang
- undang
Laut*

2 Walaupun PKM hanya ditubuhkan di Tanah Melayu pada April 1930, namun percubaan untuk menyebarkan ideologi komunis telah bermula sejak awal lagi iaitu pada sekitar tahun 1920-an. Tindakan PKM melancarkan perjuangan bersenjata untuk menubuhkan Republik Komunis Malaya menyebabkan British mengisytiharkan darurat.

- (a) Senaraikan dua buah negara yang terlibat dalam penyebaran fahaman komunis di Persekutuan Tanah Melayu.
 - i.
 - ii.

[2 markah]

- (b) Apakah tindakan ganas yang dilakukan oleh komunis di Tanah Melayu selepas Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan?

.....

.....

.....

[2 markah]

- (c) Mengapakah komunis bertindak seperti di 2(b)?

.....

.....

.....

[2 markah]

- (d)

Malaysia telah melalui evolusi yang mencabar dalam memelihara keselamatan negara dan ketenteraman awam. Landskap keselamatan kini semakin kompleks melibatkan ancaman dari pelaku negara (*state actor*) dan pelaku bukan negara (*non state actor*). Pengalaman lalu yang pernah dihadapi negara dan keselamatan termasuklah kolonialisme kuasa asing dan keganasan komunis.
 Sumber : www.mkn.gov.my

Apakah kesan sekiranya ancaman di atas tidak ditangani?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS
Soalan Objektif Kertas 1



YouTube
Ancaman Komunis

3 Kedaulatan merupakan kekuasaan tertinggi sesebuah negara yang bebas dan mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran.

(a) Berikan tafsiran berkenaan kedaulatan menurut tokoh :

i) Aristotle

.....

ii) Jean Bodin

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri negara berdaulat Malaysia yang membentuk identiti yang unik.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c)

KOTA KINABALU: Generasi muda masa kini perlu mempertahankan kedaulatan undang-undang negara serta menghormati Perlembagaan Malaysia secara holistik.
Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Joseph Kurup berkata, generasi sekarang perlu dididik untuk tunduk dan patuh serta menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara.
Sumber : Utusan Borneo (7hb Mei 2015)

Sebagai rakyat Malaysia, mengapakah kita bertanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS

Soalan
Objektif
Kertas 1



TikTok

Ciri
Negara
Berdaulat



(a) Terangkan prinsip Rukun Negara yang terdapat pada poster ini.

.....

[3 markah]

(b) Rukun Negara dibentuk untuk mendukung cita-cita mencapai beberapa matlamat. Jelaskan matlamat Rukun Negara.

.....

[2 markah]

(c) Teliti petikan di bawah.

KUALA LUMPUR: Lima prinsip Rukun Negara bukan hanya setakat perlu dihafal dan dihayati, sebaliknya ia perlu dipraktikkan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini, agar perpaduan lebih utuh dan elakkan sengketa antara kaum.

Ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, jika kelima-lima prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang serta Kesopanan dan Kesusilaan, seharusnya dijunjung oleh rakyat Malaysia pada setiap masa.

Bernama: 11 April 2024

Berikan ulasan anda.

.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS

Soalan
Objektif
Kertas 1



TikTok

Rukun
Negara

5 Rakyat Malaysia bergiat aktif dalam aktiviti kesukarelawan and kemanusiaan bagi membantu golongan yang tidak bernasib baik oleh bencana alam ataupun peperangan.

(a) Nyatakan dua tempat Badan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia pernah terlibat dalam aktiviti kemanusiaan.

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan bentuk aktiviti kemanusiaan yang dilakukan oleh NGO di negara kita.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Bagaimanakah anda boleh menyahut seruan tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS

Soalan Objektif Kertas 1



YouTube

Isu Keamanan & Kemanusiaan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

MODUL GEMPUR SPM [SET 2]

Sejarah

1249/1

Kertas 1

November

1 jam

1249/1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap - tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

SET 02

1 Hukum Kanun Melaka turut memberi perhatian kepada isu kekeluargaan.

Mengapakah isu tersebut diberi perhatian?

- A Mengelakkan masalah keruntuhan akhlak
- B Menjaga keharmonian dalam keluarga
- C Memastikan adat perkahwinan dipatuhi
- D Mewajibkan ketua keluarga memainkan peranannya

2 Apakah peranan pembesar dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Menggubal undang-undang
- B Menjalin hubungan diplomatik
- C Memelihara keamanan kawasan
- D Menghadiri majlis gotong-royong

3 Maklumat berikut berkaitan dengan isu kasut di Burma.

Orang Inggeris memakai kasut semasa memasuki kuil Buddha

Apakah kesan isu tersebut?

- A Membangkitkan semangat nasionalisme
- B Mencetuskan pembaharuan adat
- C Meningkatkan kuasa bangsawan
- D Mengukuhkan pengaruh penjajah

4 Pada 1930-an muncul golongan masyarakat India yang lahir di Tanah Melayu dan dikenali sebagai “the Strait born people”.

Bagaimanakah masyarakat tersebut memberi kesan kepada perkembangan nasionalisme?

- A Memperjuangkan hak sama rata
- B Membentuk indentiti tersendiri
- C Mengkritik dasar kerajaan kolonial
- D Mengutamakan perkembangan negara asal

5 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) juga dikenali sebagai Perang Pasifik.

Mengapakah perang tersebut berlaku?

- A Peluasan ideologi komunis
- B Pembunuhan bakal maharaja
- C Kegagalan perjanjian damai
- D Keperluan bidang perindustrian

SULIT

6 Apakah matlamat penubuhan Force 136 pada tahun 1943?

- A Menubuhkan pasukan gerila
- B Menentang penjajahan British
- C Melatih rejimen askar Melayu
- D Menjalin kerjasama rakyat

7 British Military Administration (BMA) merupakan pentadbiran tentera di Tanah Melayu yang bermula pada 12 September 1945

Apakah peranan pentadbiran tersebut?

- A Menangani demonstrasi penduduk
- B Menghalang kemasukan penjajah
- C Memulihkan kepercayaan rakyat
- D Melatih penduduk tempatan

8 Maklumat berikut berkaitan dengan penyerahan Sabah.

Tarikh	26 Jun 1946
Peristiwa	Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada kerajaan British

Mengapakah penyerahan tersebut dilakukan?

- I Kedudukan yang strategik
- II Kekayaan bahan mentah
- III Kawasan pasaran utama
- IV Kemajuan sistem prasarana

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Mengapakah orang Melayu tidak menentang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang ditubuhkan pada 1948?

- A Undang-undang tradisional tamat
- B Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan
- C Singapura dipisahkan daripada persekutuan
- D Kaum imigran tidak diberikan taraf warganegara

**SUMBER INTERAKTIF :**

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 02

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.

Tahun	1 Februari 1948
Peristiwa	Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap perjuangan orang Melayu?

- A Berkuasa mengawal pentadbiran
 B Parti-parti politik digabungkan
 C Syarat kerakyatan dipermudah
 D Diiktiraf sebagai penduduk asal
- 11 Berikut adalah tindakan yang dilakukan oleh penganas komunis di Tanah Melayu.

- Merosakkan ladang getah
- Mengganggu kerja di lombong
- Membunuh pekerja ladang

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Memiliknegerakan sektor perusahaan
 B Menyusun semula sistem pemilikan
 C Menentang amalan buruh paksa
 D Melumpuhkan kegiatan ekonomi
- 12 Mengapakah rakyat bergantung pada makanan berikut semasa zaman darurat?
- Jagung
 - Keledek
 - Ubi Kayu
- A Catuan bekalan makanan
 B Sekatan perintah berkurung
 C Kerosakan peralatan pertanian
 D Kemusnahan ladang getah
- 13 Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan di Tanah Melayu pada Januari 1949?

- A Memupuk perpaduan kaum
 B Mendapat hak sama rata
 C Mengelakkan kekacauan
 D Melicinkan pentadbiran

SULIT

- 14 Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada 1951.

Bagaimanakah sistem tersebut selaras dengan proses dekolonisasi kerajaan British?

- A Pemerintahan bebas daripada kawalan berpusat
 B Pemimpin tempatan merangka dasar kerajaan
 C Pengiktirafan terhadap pemerintahan beraja
 D Penduduk tempatan diberi peluang mentadbir
- 15 Apakah kesan penubuhan majlis berikut terhadap Tanah Melayu?

Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955

- A Institusi raja diperkukuhkan
 B British memberikan kemerdekaan
 C Kuasa mentadbir di tangan rakyat tempatan
 D Tanah Melayu bebas daripada ancaman komunis
- 16 Apakah peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955?

- I Menjalinkan kerjasama diplomatik
 II Mengurangkan kemasukan orang asing
 III Membincangkan isu keselamatan
 IV Membincangkan soal kewangan

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid.

- Menetapkan kuasa Kerajaan Pusat dan kuasa Kerajaan Negeri
- Mewujudkan rupa bangsa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu
- X

Apakah X?

- A Menetapkan sempadan negeri
 B Merangka perlembagaan negara
 C Menggubal syarat kerakyatan
 D Mencadangkan tarikh pilihan raya

**SUMBER INTERAKTIF :**

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 02

18 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Pegawai British menasihati raja dalam pentadbiran
- II Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
- III Agama Islam sebagai agama Persekutuan
- IV Sultan menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Jawatankuasa berikut ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu.

- Jawatankuasa Persediaan Fizikal
- Jawatankuasa Sambutan

Mengapakah persediaan sambutan kemerdekaan tersebut penting?

- A Menonjolkan identiti negara
- B Mematuhi prinsip kenegaraan
- C Mempertahankan warisan bangsa
- D Mendukung perlembagaan negara

20. Maklumat berikut berkaitan satu usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara.

Rancangan Buku Merah

Apakah kepentingan rancangan tersebut?

- A Pembukaan tanah baharu
- B Pengeluaran makanan mencukupi
- C Pemulihan kesihatan penduduk
- D Projek kemudahan asas

21 Mengapakah kedaulatan penting bagi sesebuah negara?

- A Mewujudkan kesejahteraan rakyat
- B Menjadi kuasa politik unggul di dunia
- C Menunjukkan kekuatan angkatan tentera
- D Membuktikan dasar luar mengikut situasi semasa

SULIT

22 Bagaimanakah dasar berikut dapat mempertahankan kedaulatan negara kita?

- Dasar Pendidikan Kebangsaan
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- A Mengekalkan kestabilan politik
- B Mengukuhkan patriotisme rakyat
- C Memupuk integrasi nasional
- D Mewujudkan kemakmuran ekonomi

23 British telah memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-Negeri Selat pada abad ke-19.

Mengapakah British memperkenalkan Charter of Justice tersebut?

- A Mempelbagai kegiatan ekonomi
- B Membendung keganasan komunis
- C Menghalang campur tangan kuasa asing
- D Mengelakkan penindasan terhadap penduduk

24 Penyataan berikut berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963

Apakah faktor yang membawa kepada pindaan tersebut?

- A Pemisahan Singapura
- B Pembentukan Malaysia
- C Pembentukan Suruhanjaya Reid
- D Pengasingan kuasa

25 Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen.

Apakah hak rakyat dalam sistem tersebut?

- A Melantik Yang di-Pertuan Agong
- B Mengamalkan gaya hidup bebas
- C Memiliki dua kewarganegaraan
- D Memilih pemimpin negara

**SUMBER INTERAKTIF :**

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 02

26 Pernyataan berikut berkaitan sistem pentadbiran di negara kita.

Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan sejak merdeka terbukti berkesan mewujudkan kestabilan dan kemakmuran kepada negara.

Bagaimanakah sistem tersebut mewujudkan kestabilan dan kemakmuran negara?

- I Rakyat berkuasa membentuk kerajaan
- II Kebebasan mutlak dijamin perlembagaan
- III Dominasi satu parti menguasai pentadbiran
- IV Kuasa raja mengimbangi amalan demokrasi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Senarai Negeri memperuntukkan kuasa Kerajaan Negeri.

Apakah perkara yang terletak dalam Senarai Negeri?

- A Tanah
- B Pelajaran
- C Kesihatan
- D Pertahanan

28 Gambar berikut menunjukkan suasana Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri.



Sumber : Bernama, 17 Mac 2020

Mengapakah mesyuarat tersebut dilaksanakan?

- A Melantik ketua kerajaan
- B Menyelaras pelaksanaan dasar kerajaan
- C Menyeragamkan undang-undang negara
- D Mengukuhkan kuasa pemerintahan



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SULIT

29 Pada tahun 1962, referendum diadakan di Singapura.

Mengapakah referendum tersebut diadakan?

- A Menentukan sokongan terhadap pembentukan Malaysia
- B Mengukuhkan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan
- C Mengekalkan sistem pemerintahan British
- D Menilai pengaruh parti politik berhaluan kiri


30. Rajah berikut menunjukkan berlaku perubahan pada tarikh pengisytiharan pembentukan Malaysia.

31 Ogos 1963 → 16 September 1963

Mengapakah perubahan ini berlaku?

- A Ancaman komunis
- B Bantahan daripada Indonesia
- C Laporan PBB tidak dapat disiapkan
- D Kabinet Menteri lambat bermesyuarat

31 Rajah berikut berkaitan kaedah kerajaan menangani ancaman komunis di Sarawak.



Apakah kaedah X?

- A Perang saraf
- B Perintah berkurung
- C Pengisytiharan darurat
- D Pembesaran pasukan keselamatan

32 Apakah faktor tercetusnya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?

- A Penyelewengan dalam pilihan raya
- B Pergaduhan antara kongsi gelap
- C Kebanjiran pendatang asing
- D Ketidakseimbangan dalam ekonomi

33 Perkara berikut berkaitan dengan cadangan aktiviti kokurikulum dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979

- Kegiatan persatuan
- Unit beruniform
- Sukan dan permainan

Mengapakah aktiviti kokurikulum diberi tumpuan?

- A Memupuk perpaduan kaum
- B Melahirkan atlet bertaraf dunia
- C Mempelbagai aliran persekolahan
- D Meningkatkan kemahiran teknologi

SET 02

34 Apakah matlamat penubuhan Rukun Negara?

- I Mencipta masyarakat yang adil
- II Menjamin hak kebebasan rakyat
- III Memperkasa semangat kenegerian
- IV Membentuk masyarakat demokratik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Dasar Ekonomi Baru bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Bagaimanakah cara untuk mencapai tujuan tersebut?

- A Membuka kampung-kampung baharu
- B Melaksanakan pembangunan wilayah
- C Mengurangkan kemasukan imigran
- D Mengurangkan saham milik asing

36 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bermatlamat untuk mencapai perpaduan melalui pengagihan kekayaan negara.

Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai?

- A Melaksanakan ekonomi kawalan
- B Mengawal kadar inflasi
- C Memantau pengurusan kewangan negara
- D Mengimbangi pembangunan antara negeri

37 Apakah usaha yang dilakukan oleh anggota Komanwel dalam menangani masalah kemiskinan?

- A Melancarkan Program Buku Merah
- B Melaksanakan Rancangan Colombo
- C Mengadakan Sidang Kemuncak Dunia
- D Menubuhkan Tabung Kemanusiaan

SULIT

38 Jadual berikut berkaitan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dalam menangani isu politik negara Islam.

Isu politik	Sumbangan
Perang Iran-Iraq	Menghantar tentera pemerhati PBB
Kekejaman Zionis Israel	X

Apakah X?

- A Menyokong kemerdekaan negara
- B Menyediakan dana pembangunan
- C Memberi latihan ketenteraan
- D Menghantar misi pengaman

39 Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah diumumkan pada tahun 1992 di Singapura.

Bagaimanakah AFTA boleh memacu kemajuan ekonomi ASEAN?

- I Penggunaan mata wang tunggal dikuatkuasakan
- II Kemasukan pelabur dari rantau lain dikawal
- III Sekatan dagangan dihapuskan
- IV Pasaran terbuka luas

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40. Senarai berikut berkaitan NGO yang mewakili suara Malaysia di pentas dunia.

- Aman Palestin
- Muslim Care Malaysia

Apakah sumbangan NGO tersebut?

- A Menyalurkan pelbagai bantuan
- B Melaksanakan sistem kewangan Islam
- C Menubuhkan organisasi negara Islam
- D Mengukuhkan hubungan diplomasi

**SUMBER INTERAKTIF :**

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Sejarah
Kertas 2
November
2 Jam 30 minit

NO. KAD PENGENALAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

MODUL GEMPUR SPM [SET 2]

SEJARAH
KERTAS 2
2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
3. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan **tiga soalan** daripada **Bahagian B**
4. Tuliskan jawapan bagi **Bahagian A dan B** pada **ruangan jawapan** yang telah disediakan selepas soalan.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Serahkan semula buku soalan kepada pengawas selepas tamat peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

1 Perkembangan idea nasionalisme di Barat telah mempengaruhi kebangkitan di Asia dan Asia Tenggara termasuklah di negara kita Gerakan nasionalisme yang berkembang telah memberikan kesan kepada usaha membina tamadun bangsa dan negara.

(a) Berikan maksud nasionalisme.

.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan peristiwa tercetusnya nasionalisme berikut :

(i) Revolusi Keagungan di England (1688)

.....
.....
.....

[2 markah]

(ii) Revolusi Amerika (1776)

.....
.....
.....

[2 markah]

(c) Petikan di bawah berkaitan semangat nasionalisme yang telah menyuntik semangat perjuangan di negara kita.

Nasionalisme dapat memupuk perpaduan antara kaum dan bangsa. Secara umumnya nasionalisme berjaya melahirkan rakyat yang saling bekerjasama antara satu sama lain. Apabila semangat nasionalisme diamalkan semua kaum dapat mengamalkan kebudayaan dan adat resam masing-masing. Tanpa adanya persengketaan kaum. Semangat nasionalisme mendorong kita membebaskan negara daripada penjajahan untuk membentuk negara merdeka dan berdaulat.

Sumber : <https://www.bharian.com.my>

Jelaskan iktibar yang diperoleh daripada pernyataan di atas.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google
FORMS
*Soalan
Objektif
Kertas 1*



TikTok
*Revolusi
England*



TikTok
*Revolusi
Amerika*

2 Perkembangan politik antarabangsa dan serantau mempengaruhi gelombang politik di negara kita. Benih kesedaran politik yang tumbuh di serata tempat mencetuskan idea negara merdeka.

(a) Apakah konsep negara merdeka yang diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Muda? [1 markah]

(b) Jelaskan konsep di 2(a).
.....
.....
..... [2 markah]

(c) Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ditubuhkan?
.....
.....
.....
..... [3 markah]

(d) Sikap toleransi dalam masyarakat berbilang kaum menjadi teras utama untuk menjamin kerukunan dan keharmonian masyarakat yang dapat mengukuhkan peradaban bangsa dan negara. Berikan ulasan anda.
.....
.....
.....
..... [4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :




Google FORMS
Soalan
Objektif
Kertas 1



TikTok
JHAK

3 Rajah berikut berkaitan dengan ciri-ciri demokrasi berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.



(a)

(b) Apakah X dan Y?

X :

Y :

[2 markah]

Jelaskan tentang amalan pilihanraya di negara kita.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Maklumat di bawah berkaitan dengan Akta Parlimen yang mengawal kebebasan asasi di Malaysia.

Akta Hasutan 1948 ialah akta yang memperuntukkan pelbagai kesalahan yang mempunyai kecenderungan menghasut sama ada melalui ucapan, perbuatan, penerbitan atau apa-apa benda lain sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut.

Akta Perhimpunan Awam 2012 (APA 2012) membenarkan warganegara menganjurkan dan menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata dengan sekatan - sekatan tertentu demi kepentingan dan keselamatan awam.

Ubahsuai dari <http://www.penerangan.gov.my>

Kebebasan asasi di negara kita perlu dikawal. Beri hujah anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS
Soalan Objektif Kertas 1



TikTok
Demokrasi

4 Penglibatan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa membolehkan negara kita memperoleh manfaat yang banyak dalam pelbagai bidang seperti keselamatan, ekonomi dan sosial.

(a) Mengapakah pertubuhan Komanwel ditubuhkan?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Mengapakah Malaysia menganggotai pertubuhan tersebut?

.....
.....
.....

[2 markah]

(c) Jelaskan manfaat yang Malaysia peroleh melalui pertubuhan tersebut?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Infografik berikut berkaitan penolakan Malaysia dalam menganjurkan Sukan Komanwel 2026



Berdasarkan masalah tersebut, cadangkan kepada Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) agar negara anggota lain tidak menolak tawaran sebagai tuan rumah pada masa akan datang.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS


Soalan
Objektif
Kertas 1



TikTok

Komanwel

6 Gambar di bawah menunjukkan Sir Donald MacGillivray sedang memeriksa perbarisan The Boys Wing of The Federation Military College bersempena dengan perasmian Federal Military College (FMC) di Port Dickson pada tahun 1954.



Sumber : THE MALAYAN EMERGENCY REVISITED

- (a) Huraikan jenis-jenis pasukan polis yang ditubuhkan oleh British bagi menghadapi tentangan komunis. [6 markah]
- (b) Darurat memberikan kesedaran kepada British untuk mempercepat kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Buktikan pernyataan di atas. [6 markah]
- (c) Teliti maklumat di bawah.



Pesan daripada Apot a/k Saad (Big Nose),perintis Senoi Praaq, “ Jangan sia-siakan pengorbanan saya serta rakan-rakan yang telah lama bersara. Dulu kami terpaksa berlapar di dalam hutan ,makanan dicatu,tak cukup tidur,tinggalkan anak bini berbulan-bulan,nyawa pula di hujung peluru,semuanya semata-mata nak tengok rakyat Malaysia dapat hidup aman.”

Huraikan mesej yang terkandung dalam dialog tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS
Soalan Objektif Kertas 1



TikTok
Usaha menangani ancaman Komunis

SET 02

SULIT

8 Pembinaan negara Malaysia berasaskan perpaduan kaum dan integrasi nasional. Elemen ini menjadi asas kekuatan negara kita yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum. Pelbagai langkah dilakukan oleh kerajaan untuk memperkasakan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam membentuk masyarakat yang bersatu-padu, harmoni dan sejahtera. Buku Teks Sejarah Tingkatan 5, muka surat 140

- (a) Nyatakan matlamat pembentukan Dasar Pendidikan Negara. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah Bahasa Kebangsaan dapat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional? [4 markah]
- (c) Teliti gambar di bawah.



Kepelbagaian kaum, etnik dan budaya di Malaysia merupakan keunikan yang perlu diraikan. Berikan pendapat anda. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

.....

Bahan Interaktif Dalam Talian :

  *Soalan Objektif Kertas 1*

  *Dasar Pendidikan Kebangsaan*



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

MODUL GEMPUR SPM [SET 3]

Sejarah

1249/1

Kertas 1

November

1 jam

1249/1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap - tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

SET 03

SULIT

1 Rajah menunjukkan ciri-ciri negara bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah ciri X?

- A Undang-undang
- B Kesenian
- C Pembesar
- D Agama dan kepercayaan

2 Pembesar Berempat dalam Kesultanan Melayu Melaka memperoleh kawasan pegangan bagi mentadbir wilayah, sungai atau pulau.

Bagaimanakah pembesar memperoleh kawasan tersebut?

- A Melakukan penaklukan
- B Memperoleh sokongan rakyat
- C Menggunakan konsep naungan
- D Mendapat kurnia sultan

3 Apakah maksud nasionalisme menurut tokoh berikut?

Tokoh	Maksud
Dr. Khoo Kay Kim	Perjuangan orang Melayu mendapat kembali kedudukan unggul dalam negara
Prof. Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid	Berpegang kepada fahaman kebangsaan yang bersifat ke "Tanah Melayuan"
Hans Kohn	X

Apakah X?

- A Perjuangan mendapatkan hak
- B Pengiktirafan hak setiap bangsa
- C Meletakkan kesetiaan kepada negara
- D Kebimbangan terhadap sekularisme

4 Apakah isu yang dimuatkan melalui penerbitan majalah Bulan Melayu pada tahun 1930?

- I Pelibatan wanita dalam politik
- II Berita kemajuan wanita
- III Kepentingan pendidikan wanita
- IV Peranan wanita menentang penjajah


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) juga dikenali sebagai Perang Pasifik.

Mengapakah perang tersebut berlaku?

- A Perluasan ideologi komunis
- B Kegagalan perjanjian damai
- C Pembunuhan bakal maharaja
- D Keperluan bidang perindustrian

6 Gambar berikut merupakan individu yang berperanan penting semasa pendudukan Jepun di negara kita.



Gurchan Singh

Apakah peranan yang dimainkan oleh individu tersebut?

- A Memberi bantuan perubatan
- B Memimpin kumpulan pemberontak
- C Menyebarkan propaganda penentangan
- D Mengetuai rundingan damai



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 03

7 Maklumat berikut merujuk kepada perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu

Pentadbiran tentera British → Malayan Union

Apakah kesan perubahan tersebut?

- A Mengukuhkan kuasa pembesar tempatan
 B Mengekalkan keistimewaan penduduk asal
 C Meningkatkan taraf hidup peribumi
 D Mengurangkan kuasa Raja
- 8 Maklumat berikut berkaitan bentuk penentangan Raja-Raja Melayu terhadap Malayan Union.

- Memulau perlantikan Gabenor
- Membawa kes ke Mahkamah Tinggi England
- X

Apakah X?

- A Meminta bantuan luar
 B Menghantar surat bantahan
 C Menganjurkan dialog terbuka
 D Menggunakan kekuatan tentera
- 9 Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan orang Melayu semasa era penjajahan British di Tanah Melayu.

A : Kita perlu menyokong pelaksanaan perjanjian ini
 B : Ya. Ini lebih baik dari Malayan Union

Apakah faktor yang mendorong sokongan tersebut?

- A Pengiktirafan terhadap hak istimewa
 B Pemilikan kuasa mutlak oleh raja
 C Pengagihan ekonomi yang adil
 D Penamatan pentadbiran penjajah
- 10 Apakah kesan pelaksanaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- I Pengekalan kuasa penjajah
 II Peluasan pengaruh radikal
 III Peningkatan taraf hidup rakyat
 IV Pemantapan kerjasama kaum
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

SULIT

11 Maklumat berikut merujuk kepada tindakan komunis di Tanah Melayu.

- Mengebom jambatan
- Merosakkan pokok getah

Mengapakah komunis bertindak demikian?

- A Mendapatkan sokongan penduduk
 B Mempamerkan kekuatan senjata
 C Mengukuhkan ideologi
 D Melumpuhkan ekonomi
- 12 Apakah langkah yang diambil melalui pelaksanaan Undang-Undang Darurat?
- A Menawarkan pengampunan
 B Menangkap pemimpin radikal
 C Melonggarkan syarat kerakyatan
 D Melaksanakan perintah berkurung
- 13 Apakah cadangan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JAK) untuk mencapai matlamat berikut?

Persediaan ke arah berkerajaan sendiri

- A Menubuhkan negara demokrasi
 B Membentuk pakatan parti politik
 C Mengukuhkan kedudukan raja
 D Mengadakan pilihan raya
- 14 Bagaimanakah matlamat memupuk perpaduan kaum dapat dicapai melalui pelaksanaan Sistem Ahli?
- A Keanggotaan pelbagai kaum
 B Kewarganegaraan sama rata
 C Kesaksamaan ekonomi
 D Kesepakatan parti politik
- 15 Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan yang ditubuhkan selepas Pilihanraya Umum 1955?
- A Mengambil alih pentadbiran
 B Menggubal undang-undang
 C Mengetuai pentadbiran negeri
 D Menguruskan kewangan negara

**SUMBER INTERAKTIF :**

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 03

16 Apakah peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955?

- I Menjalinkan kerjasama diplomatik
- II Mengurangkan kemasukan orang asing
- III Membincangkan isu keselamatan
- IV Membincangkan soal kewangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


17 Jadual berikut berkaitan dengan anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan atau Suruhanjaya Reid yang ditubuhkan pada 8 Mac 1956.

Nama	Negara
Lord Reid	Britain
B Malik	India
Abdul Hamid	Pakistan
William Ivor Jennings	Australia

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

- A Melaksanakan pilihan raya
- B Menetapkan sempadan negeri
- C Mengukuhkan pertahanan negara
- D Menggubal perlembagaan merdeka

18 Maklumat berikut berkaitan kerakyatan yang ditetapkan dalam perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.



Apakah X?

- A Kelulusan Parlimen
- B Melalui permohonan
- C Perkenan Raja-Raja Melayu
- D Kelulusan Dewan Undangan Negeri

SULIT

19 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku di negara kita pada tahun 1957

- Gaji kakitangan awam diberi seminggu awal
- Kursus protokol pegawai kerajaan


Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- A Persediaan menyambut merdeka
- B Pelancaran Malayan Union
- C Pembukaan sidang parlimen
- D Pertabalan Yang di-Pertuan Agong

20. Bagaimanakah kerajaan dalam negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi dibentuk?

- A Melalui proses pilihanraya
- B Pemimpin parti politik
- C Kelulusan mahkamah
- D Perkenan Majlis Raja-Raja

21 Rajah berikut berkaitan ciri-ciri negara berdaulat



Apakah X?

- A Sempadan negara diiktiraf
- B Pendidikan berkembang
- C Hubungan luar terjalin
- D Ekonomi meningkat

22 Bagaimanakah dasar berikut dapat mempertahankan kedaulatan negara kita?

- Dasar Pendidikan Kebangsaan
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- A Mengekalkan kestabilan politik
- B Memupuk integrasi nasional
- C Mengukuhkan patriotisme rakyat
- D Mewujudkan kemakmuran ekonomi



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 03

SULIT

23 Apakah peranan Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia?

- A Ketua Kerajaan
- B Pemerintah tertinggi
- C Pemutus belanjawan negara
- D Mengetuai delegasi ke luar negara

24 Maklumat dibawah berkaitan ciri-ciri utama Perlembagaan Persekutuan

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Ciri tradisional • Ciri moden |
|--|

Manakah yang berikut merupakan ciri moden Perlembagaan Persekutuan?

- I Kedudukan istimewa Melayu
- II Pemerintahan beraja
- III Kewarganegaraan
- IV Demokrasi Berparlimen

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Pilih pasangan betul tentang badan pemerintahan di negara kita.

	Badan	Peranan
A	Legislatif	Mentafsir perlembagaan
B	Judisiari	Menggubal undang - undang
C	Eksekutif	Melaksana dasar kerajaan
D	Kehakiman	Melaksanakan pilihan raya

26 Manakah antara berikut kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara?

- I Mengisytiharkan darurat
- II Melantik Jemaah Menteri
- III Membubarkan Dewan Undangan Negeri
- IV Menjadi ketua agama bagi semua negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Manakah antara berikut berkaitan Senarai Persekutuan?

- A Tanah
- B Biasiswa
- C Pertanian
- D Pertahanan


28 Pilih padanan yang betul berkaitan pentadbiran kerajaan Persekutuan.

	Pentadbiran	Ketua Persekutuan
A	NNMB	Residen Jeneral
B	Malayan Union	Pesuruhjaya tinggi
C	PTM 1948	Gabenor
D	Persekutuan Malaysia	Yang di-Pertuan Agong

29 Mengapakah British menyokong idea pembentukan Malaysia?

- A Mengekalkan sistem pemerintahan beraja
- B Membendung pengaruh komunis
- C Meningkatkan taraf hidup rakyat
- D Mengawal kemasukan imigran

30 Rajah berikut berkaitan usaha pembentukan Persekutuan Malaysia.



Apakah X?

- A Suruhanjaya Reid
- B Jawatankuasa Eksekutif
- C Referendum Singapura
- D Majlis Perundingan Persekutuan



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 03

31 Malaysia menghadapi cabaran dalaman setelah pembentukan Malaysia.

Apakah cabaran tersebut?

- A Mengukuhkan perpaduan kaum
- B Kekurangan hasil pendapatan
- C Ketiadaan pemimpin berwibawa
- D Menyeragamkan pentadbiran negeri

32 Apakah faktor teretusnya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?

- A Penyelewengan dalam pilihan raya
- B Pergaduhan antara kongsi gelap
- C Kebanjiran pendatang asing
- D Ketidakeimbangan dalam ekonomi

33 Mengapakah tindakan berikut penting dalam usaha mengukuhkan perpaduan kaum?

- Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Penubuhan Dewan Bahasa Pustaka (DBP)
- Akta Bahasa Kebangsaan

- A Menamatkan sekolah vernakular
- B Memperkasa semangat kenegerian
- C Mempunyai identiti bahasa yang sama
- D Memperkaya perbendaharaan bahasa

34 Mengapakah Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970?

- A Membangunkan modal insan
- B Mengukuhkan perpaduan rakyat
- C Meningkatkan kemajuan ekonomi
- D Memupuk semangat juang rakyat

35 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bermatlamat untuk mencapai perpaduan melalui pengagihan kekayaan negara. Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai?

- A Melaksanakan ekonomi kawalan
- B Memantau pengurusan kewangan negara
- C Mengimbangi pembangunan antara negeri
- D Mengawal kadar inflasi

36 Kemajuan sosial telah dicapai melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Apakah kemajuan tersebut?

- I Menambah pendapatan rakyat
- II Meningkatkan kualiti kehidupan
- III Mewujudkan masyarakat progresif
- IV Menggunakan teknologi tinggi

- A I dan II B I dan IV
- C II dan III D III dan IV

SULIT

37 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar luar Malaysia

Dasar luar Malaysia digubal berpandukan perkembangan ekonomi, sosial, politik di peringkat domestik dan antarabangsa.

Mengapakah dasar luar penting kepada sesebuah negara?

- A Memantapkan kuasa pemimpin tempatan
- B Memelihara kepentingan kuasa besar
- C Mempengaruhi tindakan negara
- D Mengekalkan identiti bangsa

38 Pertubuhan berikut mempunyai matlamat yang sama.

- Persatuan Negara – Negara Asia Tenggara (ASA)
- MAPHILINDO
- Persatuan Negara – Negara Asia Tenggara (ASEAN)

Apakah matlamat pertubuhan tersebut?

- A Mengadakan pakatan ketenteraan
- B Menjalin kerjasama serantau
- C Mengatasi kemelesetan ekonomi
- D Menyelaraskan sistem pentadbiran

39 Apakah isu yang dikaitkan dengan wilayah berikut?

- Pulau Sipadan
- Kepulauan Spratly
- Pulau Batu Putih

- A Kegiatan lanun
- B Pembunuhan etnik
- C Tuntutan sempadan
- D Pangkalan pengganas

40 Maklumat berikut berkaitan NGO yang mewakili suara Malaysia di pentas dunia.



Apakah sumbangan NGO tersebut?

- A Menyalurkan pelbagai bantuan
- B Mengukuhkan hubungan diplomasi
- C Menubuhkan organisasi negara Islam
- D Melaksanakan sistem kewangan Islam

SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
ABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Sejarah
Kertas 2
November
2 Jam 30 minit

NO. KAD PENGENALAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

MODUL GEMPUR SPM (SET)

SEJARAH
KERTAS 2
2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
3. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan **tiga soalan** daripada **Bahagian B**
4. Tuliskan jawapan bagi **Bahagian A dan B** pada **ruangan jawapan** yang telah disediakan selepas soalan.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Serahkan semula buku soalan kepada pengawas selepas tamat peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1 Perkembangan nasionalisme dalam kalangan negara Eropah yang bersaing dalam mempertahankan kepentingan masing-masing menyebabkan berlakunya perang dunia.

(a) Apakah faktor - faktor tercetusnya Perang Dunia Pertama ?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Nyatakan negara yang termasuk dalam pihak Kuasa Tengah.

.....
.....
.....

[2 markah]

(c) Nyatakan isi Perjanjian Versailles selepas berakhirnya Perang Dunia Pertama terhadap Jerman.

.....
.....
.....

[2 markah]

(d) Berdasarkan pengetahuan sejarah dan am anda, terangkan kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara kita.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google
FORMS

*Soalan
Objektif
Kertas 1*



TikTok

*Perang
Dunia
Pertama*

2 Pilihanraya di negara kita bermula dengan pilihan raya majlis perbandaran, pilihan raya negeri dan pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1955.

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan pilihanraya ?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Nyatakan syarat untuk menjadi pengundi dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

.....
.....
.....

[2 markah]

(c) Nyatakan proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

.....
.....
.....

[2 markah]

(d) Ketelusan amat penting dalam pengendalian pilihan raya. Pada pendapat anda, mengapakah pemimpin perlu telus dalam menjalankan pilihan raya?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS

*Soalan
Objektif
Kertas 1*



TikTok

*Pilihan
Raya*

3 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

(a) Apakah bidang kuasa bagi kerajaan berikut?

(i) Kerajaan Persekutuan

.....
.....

(ii) Kerajaan Negeri

.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan kepentingan mewujudkan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c)

Sistem pentadbiran yang sistematik dapat mewujudkan sebuah negara yang stabil kerana terdapat pengagihan kuasa dan bidang tugas yang jelas. Hal ini bukan sahaja penting bagi mengekalkan kedaulatan negara tetapi juga dapat menjana pembangunan dan kemajuan negara.

Disesuaikan daripada <https://www.slideshare.net/ewezh/sejarah-paper3-spm-soalan-kbkk>

Terangkan maklumat yang terdapat dalam petikan di atas

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS

Soalan Objektif Kertas 1



TikTok

Bidang Kuasa

4 Peta berikut menunjukkan negara-negara anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).



- (a) Nyatakan tiga negara anggota ASEAN.
- i.
 - ii.
 - iii.
- [3 markah]

- (b) Jelaskan kerjasama ekonomi yang terjalin antara Malaysia dengan negara anggota ASEAN.
-
-
-
- [3 markah]

- (c) Kerjasama negara anggota ASEAN merupakan tunjang kestabilan politik serantau.



Beri pendapat anda.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google
FORMS

*Soalan
Objektif
Kertas 1*



TikTok

Asean

SET 03

SULIT

- 6 Semasa penjajahan British, sistem sekolah mengikut kaum iaitu pendidikan vernakular telah berkembang. Sekolah vernakular ialah sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam menyatupadukan rakyat bagi melahirkan identiti bangsa dan negara melalui pendidikan.
- (a) Jelaskan kandungan yang terdapat dalam rancangan pendidikan berikut :
- i. Ordinan Pelajaran 1952 [4 markah]
 - ii. Laporan Woodhead di Sarawak dan Sabah [4 markah]
 - iii. Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 [4 markah]
- (b) Infografik berikut merupakan sebahagian daripada transformasi dalam sistem pendidikan.

Anjakan untuk Transformasi Sistem Pendidikan



menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa

Melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai

memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit

memanfaatkan ICT bagi kualiti pembelajaran di Malaysia

Mengapakah Kementerian Pendidikan Malaysia menekankan kepada usaha berikut? [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google
FORMS
*Soalan
Objektif
Kertas 1*



YouTube
*Sistem Pendidikan
Kebangsaan*



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

MODUL GEMPUR SPM [SET 4]

Sejarah

1249/1

Kertas 1

November

1 jam

1249/1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap - tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

SET 04

1 Maklumat berikut berkaitan ciri negara bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Kedaulatan

Apakah kepentingan ciri tersebut kepada Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang berkuasa di Alam Melayu?

- A Mendapat pengiktirafan
 B Memperoleh bantuan tentera
 C Menerima ufti dari negara luar
 D Menguasai bidang ekonomi
- 2 Mengapakah Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka mewujudkan jawatan Laksamana?
- A Melicinkan urusan cukai di pelabuhan
 B Mengetuai angkatan tentera
 C Menjaga keselamatan di laut
 D Mengawal keamanan dalam negeri
- 3 Berdasarkan Undang-Undang Laut Melaka terdapat pelbagai cukai yang dikenakan dalam urusan pelayaran untuk perdagangan.

Apakah cukai yang dimaksudkan?

- I Cukai kualat
 II Cukai hasil perniagaan
 III Cukai perjalananan
 IV Cukai diraja
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 4 Antara yang berikut yang manakah peranan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- I Berkhidmat sebagai tentera
 II Menjadi pendayung kapal perang
 III Mengetuai utusan ke negara luar
 IV Pengiring pembesar negara
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

SULIT

5 Revolusi Keagungan di England berlaku pada 1688.

Apakah kesan revolusi tersebut terhadap sistem pemerintahan England?

- A Pengamalan sistem republik
 B Kemerdekaan wilayah jajahan
 C Penghapusan kedaulatan parlimen
 D Pemantapan sistem raja berperlembagaan
- 6 Mengapakah Katipunan melancarkan Revolusi Filipina pada tahun 1896?
- A Menghalang pengaruh komunis
 B Menghapuskan sistem beraja
 C Menyekat pengaruh Amerika
 D Menyingkirkan kuasa Sepanyol
- 7 Maklumat berikut adalah peperangan yang telah berlaku di dunia pada abad ke-20.

Perang Dunia Pertama [1914 - 1918]

Apakah faktor yang mencetuskan perang tersebut?

- A Persengketaan kuasa besar
 B Pembentukan ideologi baharu
 C Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa
 D Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles
- 8 Bagaimanakah tokoh berikut mengembalikan maruah bangsa dan negaranya selepas Perang Dunia Pertama?

Pemimpin	Negara
Benito Mussolini	Itali
Adolf Hitler	Jerman

- A Mengadakan referendum
 B Memulihkan sistem monarki
 C Membangunkan industri baru
 D Mengukuhkan angkatan tentera
- 9 Pada 1946, Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada British.
- Mengapakah beliau melaksanakan tindakan tersebut?
- A Menangani ancaman komunis
 B Menghadapi masalah kewangan
 C Melindungi penduduk tempatan
 D Memenuhi keperluan ekonomi

**SUMBER INTERAKTIF :**

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 04

10 Apakah sumbangan tokoh-tokoh berikut terhadap Sarawak?



Bujang
Suntong



Murshidi
Sidek



Awang
Rambli

- A Menentang perluasan kuasa asing
- B Menangani gerakan anti Jepun
- C Memajukan ekonomi tempatan
- D Menubuhkan cawangan MPAJA

11 Maklumat berikut berkaitan dengan Sistem Ahli.

Tahun - 1951

Peristiwa - Sistem Ahli diperkenalkan

Mengapakah sistem tersebut penting kepada penduduk Tanah Melayu?

- A Persediaan untuk berkerajaan sendiri
- B Merangka perlembagaan baharu
- C Melaksanakan pilihan raya umum
- D Membincangkan syarat kewarganegaraan

12 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha yang dilaksanakan oleh pemimpin Tanah Melayu untuk merealisasikan kemerdekaan negara

Peristiwa	Tahun
Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum	1949
Penganjuran Persidangan Kebangsaan	1953

Mengapakah usaha tersebut dilaksanakan?

- A Pengaruh luar yang semakin kuat
- B Perpaduan antara kaum tidak mantap
- C Kelemahan dalam sistem pemerintahan
- D Keputusan pilihan raya tidak memberangsangkan

13 Mengapakah Kerajaan Persekutuan membentuk Jawatankuasa Pilihan Raya bagi Majlis Mesyuarat Persekutuan?


- A Meluluskan undang-undang pilihan raya
- B Mengkaji tentang pilihan raya
- C Menentukan sempadan pilihan raya
- D Menjalankan pendaftaran pilihan raya

SULIT

14 Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan yang ditubuhkan selepas Pilihan Raya Umum 1955?

- A Mengambil alih pentadbiran
- B Menggubal undang-undang
- C Mengetuai pentadbiran negeri
- D Menguruskan kewangan negara

15 Gambar berikut menunjukkan ahli Kabinet Kerajaan Persekutuan pada tahun 1955



Mengapakah Kabinet pertama ini penting kepada negara kita?

- A Pertambahan kuasa Pesuruhjaya Tinggi
- B Penyatuan parti politik
- C Mengukuhkan kuasa Raja-raja Melayu
- D Menunjukkan kompromi antara kaum

16 Gambar menunjukkan Tunku Abdul Rahman dan rombongan diarak di Banda Hilir, Melaka pada tahun 1956



Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada sejarah negara kita?

- A Pengisytiharan tarikh kemerdekaan
- B Pengumuman tamat darurat
- C Pembentukan kabinet pertama
- D Perlaksanaan pilihan raya umum



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 04

17 Gambar berikut berkaitan dengan Rundingan London yang berlangsung pada tahun 1956.




Apakah kepentingan rundingan tersebut?

- I Pelaksanaan pilihan raya umum
- II Pengenalan kerakyatan jus soli
- III Pemberian kemerdekaan tanah air
- IV Penubuhan Suruhanjaya Perlembagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Rajah berikut berkaitan antara Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Apakah X?

- A Menghapuskan ancaman komunis
- B Mengekalkan institusi beraja mutlak
- C Menentukan sempadan antara negeri
- D Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat

19 Peristiwa penting berikut berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1957




Bendera Union Jack diturunkan

Apakah yang dapat dibuktikan daripada peristiwa tersebut?

- A Pendudukan komunis di Asia Tenggara
- B Perasmian Stadium Merdeka
- C Berakhirnya pentadbiran British
- D Kemenangan Jepun di Tanah Melayu

SULIT

20 Rajah berikut berkaitan dengan bentuk pentadbiran kerajaan Malaysia.



X ialah

- A Republik
- B Autokrasi
- C Monarki mutlak
- D Demokrasi Berparlimen

21 Jadual berikut berkaitan takrif kedaulatan dalam pelbagai bahasa.

Bahasa	Takrif kedaulatan
Bahasa Yunani	Superanus
Bahasa Inggeris	Soverignty
Bahasa Arab	Daulah
Bahasa Melayu	Daulat

Apakah persamaan takrif tersebut?

- A Kekayaan hasil bumi
- B Kekuasaan tertinggi
- C Kekuatan ketenteraan
- D Keluasan wilayah pengaruh

22 Maklumat berikut berkaitan dengan lambang-lambang negara kita.

- Jata Negara
- Lagu Kebangsaan
- Bendera Jalur Gemilang

Mengapakah rakyat perlu menghormati lambang negara?

- A Mengekalkan kestabilan politik
- B Mengukuhkan patriotisme
- C Memupuk integrasi nasional
- D Mewujudkan kemakmuran ekonomi



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 04**SULIT**

23 Apakah ciri-ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia?

- I Pemerintahan beraja
- II Kewarganegaraan
- III Demokrasi Berparlimen
- IV Kedudukan istimewa orang Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen mewujudkan mekanisme semak danimbang dalam pemerintahan negara kita

Mengapakah kuasa pengimbang penting kepada seorang raja?

- A Meredakan konflik pertikaian politik
- B Mengelakkan pertindihan kuasa
- C Meluaskan pengaruh
- D Mengasingkan kuasa

25 Senarai Bersama membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.

Apakah perkara tersebut?

- A Perumahan
- B Tanah
- C Kewangan
- D Pertanian dan Perhutanan

26 Mengapakah Suruhanjaya Cobbold penting dalam menjayakan pembentukan Malaysia?

- A Melaksanakan sistem birokrasi barat
- B Menggalakkan penubuhan Parti Perikatan
- C Memujuk Singapura menyertai persekutuan
- D Menilai sokongan rakyat Sabah dan Sarawak

27 Malaysia menghadapi cabaran dalaman setelah pembentukan Malaysia.

Apakah cabaran tersebut?

- A Ketiadaan pemimpin berwibawa
- B Kekurangan hasil pendapatan
- C Mengukuhkan perpaduan kaum
- D Menyeragamkan pentadbiran negeri

28 Apakah faktor tercetusnya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?

- A Ketidakseimbangan dalam ekonomi
- B Pergaduhan antara kongsi gelap
- C Kebanjiran pendatang asing
- D Penyelewengan dalam pilihan raya

29 Apakah faktor sejarah yang menjadi punca kepada masalah perpaduan kaum di negara kita selepas merdeka?

- I Politik berasaskan kaum
- II Pendidikan vernakular
- III Penyebaran berita palsu
- IV Penghijrahan imigran asing

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Apakah matlamat penubuhan institusi berikut?

- Universiti Kebangsaan Malaysia
- Dewan Bahasa dan Pustaka

- A Menambahkan pusat keilmuan
- B Meningkatkan kadar celik huruf
- C Memartabatkan bahasa kebangsaan
- D Menggalakkan kemasukan pelajar asing

31 Mengapakah Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970?

- A Membangunkan modal insan
- B Meningkatkan kemajuan ekonomi
- C Memupuk semangat juang rakyat
- D Mengukuhkan perpaduan rakyat

32 Bagaimanakah kerajaan membaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?

- A Menyusun semula modal saham bumiputera
- B Memperkenalkan konsep pertanian pintar
- C Meningkatkan tenaga kerja mahir
- D Memberi subsidi kepada golongan sasaran

**SUMBER INTERAKTIF :**

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 04**SULIT**

33 Maklumat berikut berkaitan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

- Membasmi kemiskinan

Bagaimanakah strategi tersebut dilaksanakan?

- I Membuka peluang pekerjaan
- II Menyediakan rumah mampu milik
- III Meningkatkan pengeluaran negara
- IV Menambahkan pendapatan rakyat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Pelaksanaan DEB dan DPN telah membentuk kawasan perindustrian baharu.

Apakah peranan kawasan tersebut?

- A Meningkatkan hasil keluaran kilang
- B Membangunkan bandar moden
- C Menarik kemasukan pelaburan
- D Memajukan industri kecil dan sederhana

35 Apakah ciri persamaan tokoh-tokoh tersebut?

- Tan Sri Razali Ismail
- Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood
- Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar

- A Memperkenalkan Bank Pembangunan Islam
- B Mendapat pengiktirafan PBB
- C Menentang dasar Aparteid
- D Mencadangkan konsep ZOPFAN

36 Apakah tujuan Malaysia mengadakan hubungan luar dengan negara berikut?

Hubungan Luar Negara Malaysia
Negara-negara Komanwel Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM)

- I Mengadakan pakatan ketenteraan
- II Mengukuhkan ekonomi
- III Menjamin keselamatan
- IV Memantapkan struktur pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37 Afrika Selatan mengamalkan dasar Aparteid. Mengapakah Malaysia menentang dasar tersebut?

- A Menghapuskan dominasi ekonomi
- B Mengamalkan diskriminasi kaum
- C Mengamalkan dasar komunis
- D Menolak pencerobohan wilayah

38 Berikut adalah maklumat berkaitan kerjasama antara negara-negara ASEAN.

Skim Keutamaan Perdagangan (SKP)

Apakah langkah yang dilaksanakan melalui skim tersebut?

- A Penggunaan mata wang ASEAN
- B Pemotongan cukai barangan
- C Pembayaran tarif secara pukal
- D Pelaksanaan cukai produk digital

39 Kempen antiminyak kelapa sawit yang dilancarkan negara maju secara tidak langsung menggugat ekonomi negara kita.

Mengapakah negara maju melaksanakan kempen tersebut?

- A Melindungi hak asasi manusia
- B Melarang pembukaan tanah baru
- C Menyaingi minyak kacang soya
- D Memonopoli hasil kutipan cukai

40. Senarai berikut berkaitan NGO yang mewakili suara Malaysia di pentas dunia.

- Aman Palestin
- Muslim Care Malaysia
- Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)

Apakah sumbangan NGO tersebut?

- A Menubuhkan organisasi negara Islam
- B Menyalurkan pelbagai bantuan
- C Mengukuhkan hubungan diplomasi
- D Melaksanakan sistem kewangan Islam



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
ABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Sejarah
Kertas 2
November
2 Jam 30 minit

NO. KAD PENGENALAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

MODUL GEMPUR SPM (SET 4)

SEJARAH
KERTAS 2
2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
3. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan **tiga soalan** daripada **Bahagian B**
4. Tuliskan jawapan bagi **Bahagian A dan B** pada **ruangan jawapan** yang telah disediakan selepas soalan.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Serahkan semula buku soalan kepada pengawas selepas tamat peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

1 Selepas Perang Dunia Kedua, Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan British pada 26 Jun 1946 yang menjadikan Sabah sebagai tanah jajahan British.

(a) Apakah faktor - faktor tercetusnya Perang Dunia Pertama ?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Jelaskan tujuan SBUB menyerahkan Sabah kepada British.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Gambar 1 : Ilustrasi kemerdekaan negara.



Berdasarkan gambar diatas, wajarkah penduduk tempatan menentang penjajahan kuasa asing?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS
Soalan
Objektif
Kertas 1



TikTok
Perang
Dunia
Pertama

2 Pihak Raja-raja Melayu serta para pemimpin yang dipilih oleh rakyat dan pihak British telah mengadakan beberapa rundingan dalam usaha merintis jalan ke arah kemerdekaan. Hasilnya persetujuan mendapatkan kemerdekaan dicapai di London. Berikutan persetujuan yang dicapai di London, maka pada 8 Mac 1956 Kerajaan British telah mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid dengan persetujuan Raja-raja Melayu bagi membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan yang merdeka.

(a) Apakah persetujuan kerajaan British yang diperolehi oleh Persekutuan Tanah Melayu melalui rombongan merdeka?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan gerak kerja yang dilakukan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Pemimpin pelbagai kaum bersungguh-sungguh mewujudkan negara yang stabil. Buktikan.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS

Soalan
Objektif
Kertas 1



YouTube

JK
Kerja

3 Peta berikut menunjukkan wilayah yang menyertai Gagasan Malaysia pada tahun 1963



- (a) Senaraikan dua negeri yang membentuk Gagasan Malaysia.
 - (i)
 - (ii)

[2 markah]

- (b) Huraikan idea gagasan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (c) Konsep Melayu Raya turut diperjuangkan oleh gerakan nasionalis sebelum Perang Dunia Kedua bagi mendapatkan Kemerdekaan wilayah Alam Melayu daripada kuasa penjajah British, Belanda dan Amerika Syarikat. Huraikan kesan yang akan berlaku sekiranya pertubuhan tersebut berjaya direalisasikan.

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Idea Gagasan Malaysia ialah konsep yang menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi melahirkan sebuah negara yang berdaulat. Jelaskan manfaat yang Malaysia peroleh melalui pertubuhan tersebut?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google
FORMS

Soalan
Objektif
Kertas 1



TikTok

Idea
Pembentukan
Malaysia

4 Malaysia telah menyertai beberapa pertubuhan antarabangsa antaranya Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada tahun 1969 dan Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM) pada tahun 1970.

(a) Apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam NAM?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Terangkan sumbangan Malaysia dalam dasar keamanan dan berkecuali.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia perlu memainkan peranan dalam isu-isu antarabangsa yang melibatkan penindasan kepada negara-negara yang lemah?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google
FORMS

Soalan
Objektif
Kertas 1



YouTube

Pergerakan
NAM

8 Hubungan luar negara kita melalui proses yang panjang bermula sejak sebelum kewujudan Kesultanan Melayu Melaka dan semakin berkembang semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Pada masa kini, kewujudan pemimpin berwibawa menjadikan dasar luar negara semakin berkembang.

- (a) Terangkan latar belakang dasar luar negara sebelum kemerdekaan. [4 markah]
- (b) Penggubalan dasar luar negara pada masa kini dipengaruhi oleh beberapa pertimbangan. Huraikan. [8 markah]
- (c) Baca petikan berikut.

KUALA LUMPUR - Sungguhpun Malaysia mendepani cabaran pandemik Covid-19 dengan agak baik pada 2021, senario hubungan diplomatik dengan negara luar berbeza kisahnya apabila diuji dengan pelbagai dugaan yang menjadi antara tumpuan utama media tempatan dan global.

Belum reda insiden ketegangan di antara Malaysia dan Korea Utara, hubungan diplomatik Malaysia dan China pula menjadi fokus berita antarabangsa apabila 16 pesawat tentera udara China mencero bohi ruang udara Malaysia di perairan Sarawak, menghampiri Beting Ali.

Selain dua episod di luar dugaan seperti di atas, Malaysia, yang juga ahli anggota ASEAN berpengaruh dilihat memainkan peranan penting bersama-sama dengan negara anggota badan serantau dan rakan dialognya yang lain, dalam membantu mencari penyelesaian kepada krisis di Myanmar

Sungguhpun, 2021 akan berakhir sebagai tahun yang sukar dilupakan untuk keharmonian diplomasi negara, 2022 juga kemungkinan tahun yang mencabar berikutan banyak lagi isu-isu yang memecahbelahkan kesetiakawanan di peringkat rantau Asia Tenggara mahupun di persada antarabangsa, termasuklah isu berkenaan perubahan iklim dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP). - Bernama

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan langkah yang perlu diambil oleh kerajaan bagi mendepani isu tersebut. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS
Soalan Objektif Kertas 1



YouTube
Dasar Luar Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

MODUL GEMPUR SPM [SET 5]

Sejarah

1249/1

Kertas 1

November

1 jam

1249/1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap - tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

SET 05**SULIT**

1 Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka memperoleh wilayah-wilayah berikut?

- Lingga
- Pattani
- Kedah

- A Kegiatan penaklukan
 B Anugerah negara asing
 C Menerima ketuanan
 D Perkahwinan siasah

2 Pembesar Berempat dalam Kesultanan Melayu Melaka memperoleh kawasan pegangan bagi mentadbir wilayah, sungai atau pulau.

Bagaimanakah mereka memperoleh kawasan tersebut?

- A Melakukan penaklukan
 B Mendapat kurnia sultan
 C Memperoleh sokongan rakyat
 D Menggunakan konsep naungan

3 Maklumat berikut berkaitan Undang-Undang Laut Melaka.

Fasal 131
 Nakhoda perlu diberi keutamaan berniaga selama 4 hari

Mengapakah keutamaan tersebut diperoleh nakhoda kapal?

- A Dianggap wakil kerajaan
 B Dihormati wakil pedagang
 C Diibarat raja dalam pelayaran
 D Dikhuatiri berlaku penipuan

4 Antara yang berikut yang manakah peranan pembesar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- I Mengutip hasil
 II Menghadiri majlis umum
 III Memperkenalkan undang-undang
 IV Membekal tenaga tentera

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

5 Revolusi Amerika berlaku pada 1776

Apakah kesan revolusi tersebut terhadap Amerika?

- I Penghapusan kedaulatan Parlimen
 II Pemantapan kuasa raja
 III Pengiktirafan kemerdekaan
 IV Pengenalan sistem demokrasi

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

6 Maharaja Mikado Meiji telah berusaha untuk mengelakkan ancaman imperialisme Barat di Jepun.

Apakah langkah yang telah dilaksanakan oleh tokoh tersebut?

- A Menutup sempadan
 B Mengadakan perjanjian
 C Memperbesar angkatan tentera
 D Memodenkan negara

7 Maklumat berikut berkaitan tindakan pemerintah Thailand.

Pemerintah	Tindakan
Raja Mongkut	Memodenkan negara dan mengamalkan dasar terbuka
Raja Chulalongkorn	

Mengapakah pemerintah Thailand mengambil tindakan tersebut?

- A Menyaingi kuasa besar
 B Memantapkan kuasa pemerintah
 C Mengekalkan kedaulatan negara
 D Memodenkan sistem pendidikan

8 Persidangan Damai Paris 1919 telah mewujudkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson.

Apakah prinsip utama yang terkandung dalam deklarasi tersebut?

- A Sempadan negara berasaskan bangsa
 B Nasib negara di tangan pemerintah
 C Angkatan tentera diperbesarkan
 D Tanah jajahan dibebaskan



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 05

9 Jerman telah melanggar syarat-syarat Perjanjian Versailles yang ditandatangani pada tahun 1919

Bagaimanakah negara tersebut melanggar syarat-syarat Perjanjian Versailles?

- A Menjalinkan kerjasama dengan Rusia
- B Mengeksport senjata ke luar negara
- C Menyertai Pakatan Bertiga
- D Membina semula angkatan tentera

10 Mengapakah pentadbiran tentera Jepun memberikan layanan yang kejam kepada kaum Cina di Tanah Melayu?

- A Mengelakkan penyatuan kaum
- B Sejarah permusuhan perang
- C Sistem sosial yang berbeza
- D Melaksanakan dasar pecah perintah

11 Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British pada tahun 1946

Mengapakah penyerahan tersebut ditentang oleh penduduk Sarawak?

- I Menggunakan tipu muslihat
- II Mencanggahi Perlembagaan
- III Memperoleh sokongan negara jiran
- IV Menghapuskan hak istimewa peribumi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan orang Melayu semasa era penjajahan British di Tanah Melayu.

A : Kita perlu menyokong pelaksanaan perjanjian ini
 B : YA Ini lebih baik dari Malayan Union

Apakah yang mendorong sokongan tersebut?

- A Penamatan pentadbiran penjajah
- B Pengiktirafan terhadap hak istimewa
- C Pemilikan kuasa mutlak oleh raja
- D Pengagihan ekonomi yang adil

SULIT

13 Bagaimanakah matlamat memupuk perpaduan kaum dapat dicapai melalui pelaksanaan Sistem Ahli?

- A Keanggotaan pelbagai kaum
- B Kewarganegaraan sama rata
- C Kesaksamaan ekonomi
- D Kesepakatan parti politik

14 Jawatan Kuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949

Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut?

- I Mengukuhkan ekonomi negara
- II Mewujudkan keadaan harmoni
- III Mengkaji hubungan kaum
- IV Menyelesaikan isu pergaduhan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Apakah syarat untuk menjadi pengundi dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

- I Berumur 21 tahun ke atas
- II Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- III Berkhidmat dalam perkhidmatan awam
- IV Berpendidikan sekolah Inggeris

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Jadual berikut berkaitan anggota Suruhanjaya Reid yang ditubuhkan pada 8 Mac 1956

- Lord Reid
- Sir William Ivor Jennings
- Sir William Mckell

Apakah sumbangan tokoh berikut kepada negara kita?

- A Merangka perlembagaan
- B Melaksanakan pilihan raya
- C Menyeragamkan sistem pendidikan
- D Melantik pemerintah negara

**SUMBER INTERAKTIF :**

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SET 05

17 Apakah memorandum yang dikemukakan Raja-raja Melayu kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

- I Kerakyatan jus soli
- II Perlantikan ketua negara
- III Melindungi hak peribumi
- IV Sistem pentadbiran kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Mengapakah lambang-lambang berikut dibentuk sebelum pengisytiharan kemerdekaan negara kita?



- A Lambang keagungan
- B Identiti negara
- C Bukti kegigihan
- D Simbol kegemilangan

19 Apakah bentuk kerakyatan yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Perkenan Raja-raja Melayu
- II Kelulusan Parlimen
- III Melalui permohonan
- IV Kuat kuasa undang-undang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Gambar menunjukkan peristiwa sambutan kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957



Di manakah peristiwa tersebut diadakan?

- A Memorial Kemerdekaan
- B Dataran Merdeka
- C Stadium Merdeka
- D Tugu Kemerdekaan



Road2SPM2024

SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

SULIT

21 Mengapakah kerajaan berusaha memperjuangkan kedaulatan negara?

- I Menjamin kestabilan politik
- II Memperkenalkan sistem beraja
- III Mempertahankan warisan tradisi
- IV Mewujudkan kesejahteraan negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Pernyataan berikut merujuk kepada usaha kerajaan terhadap pertahanan negara.

Apakah kepentingan usaha kerajaan tersebut?

- A Mendapat pengiktirafan dunia
- B Membaiki sistem pemerintahan
- C Mengekalkan kedaulatan negara
- D Mengukuhkan semangat perkauman

23 Pernyataan berikut berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1965

Apakah faktor yang membawa kepada pindaan tersebut?

- A Pemisahan Singapura
- B Pembentukan Malaysia
- C Pembentukan Suruhanjaya Reid
- D Pelaksanaan Pilihan raya Umum Pertama

24 Apakah pentadbiran yang memperkenalkan kewarganegaraan Persekutuan bagi kerakyatan berikut?

- Rakyat Raja
- Rakyat British

- A Negeri-negeri Selat 1826
- B Persekutuan Tanah Melayu 1948
- C Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896
- D Persekutuan Tanah Melayu 1957

SET 05

25 Pernyataan berikut berkaitan kebebasan asasi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kebebasan Bersuara, Berhimpun dan Berpersatuan
 Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara, berhimpun secara aman dan membentuk persatuan Kebebasan Bersuara, Berhimpun dan Berpersatuan


Mengapakah kebebasan asasi tersebut tidak bersifat mutlak?

- A Tertakluk kepada Akta Parlimen
- B Memerlukan perkenan Yang di-Pertuan Agong
- C Tapisan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
- D Mendapat kelulusan Dewan Rakyat

26 Mengapakah pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dilakukan?

- A Menjaga hak asasi rakyat
- B Mengukuhkan institusi beraja
- C Memudahkan perantikan ahli Parlimen
- D Melicinkan perjalanan sistem Persekutuan

27 Rajah berikut berkaitan pengasingan kuasa dalam sistem pentadbiran negara kita.



Manakah yang berikut di bawah bidang kuasa X?

- A Meluluskan undang-undang
- B Mentafsir Perlembagaan
- C Menggubal dasar-dasar negara
- D Menyemak dasar-dasar kerajaan

28 Bagaimanakah masalah berikut diatasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan?

Masalah
 Undang - undang negeri tidak selaras dengan undang - undang Persekutuan

- A Undang-undang yang baharu digubal
- B Undang-undang yang digubal Parlimen diguna
- C Undang-undang di bawah Senarai Bersama dirujuk
- D Undang-undang yang diluluskan Dewan Undangan Negeri dikuatkuasa

SULIT

29 Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan pada 23 Julai 1961 semasa Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura.

Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut?

- A Merangka perlembagaan negara
- B Meyakinkan penduduk tentang gagasan
- C Menetapkan tarikh pilihan raya umum
- D Merintis kerjasama pelbagai parti politik

30 Apakah kesan peristiwa berikut terhadap negara kita?

Tahun	Peristiwa
1965	Jeneral Suharto telah mengambil alih kuasa pemerintahan daripada Presiden Soekarno

- A Sistem beraja dihapuskan
- B Hubungan diplomatik terputus
- C Dasar konfrontasi berakhir
- D Pakatan tentera dibentuk

31 Yang di-Pertuan Agong memperkenankan penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan tanggungjawab MAGERAN?

- A Membenar penerbitan akhbar tempatan
- B Menentukan pentadbiran yang licin
- C Memajukan ekonomi
- D Mengisytiharan darurat

32 Krisis perlembagaan pada tahun 1966 di Sarawak menyebabkan berlaku ketidakstabilan politik.

Apakah kesan krisis tersebut?

- I Menggugat keamanan
- II Mengancam keselamatan
- III Memecahbelahkan perpaduan kaum
- IV Menjejaskan rancangan pembangunan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.

- 33 Logo slogan di bawah telah dilancarkan pada tahun 1960 untuk mengukuhkan pembinaan masyarakat yang bersatu padu melalui bahasa.



Bagaimanakah Bahasa Melayu dapat dimartabatkan sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu?

- A Mengiktiraf institusi pendidikan antarabangsa
 B Menubuhkan institusi pengajian tinggi swasta
 C Pengenalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
 D Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka
- 34 Apakah matlamat penubuhan Rukun Negara?
- I Mencipta masyarakat yang adil
 II Menjamin hak kebebasan rakyat
 III Memperkasa semangat kenegerian
 IV Membentuk masyarakat demokratik
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 35 Apakah matlamat Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974?
- A Mengawal selia sektor pertanian
 B Memajukan pertanian komersial
 C Menyediakan kemudahan pinjaman
 D Menambahkan pengeluaran makanan
- 36 Kemajuan sosial telah dicapai melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Apakah kemajuan tersebut?

- I Menambah pendapatan rakyat
 II Meningkatkan kualiti kehidupan
 III Mewujudkan masyarakat progresif
 IV Menggunakan teknologi tinggi
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 37 Maklumat berikut adalah rancangan yang ditubuhkan oleh Komanwel.

1951 - Rancangan Colombo

Apakah tujuan Rancangan Colombo tersebut?

- A Menyelesaikan konflik politik
 B Mengatasi masalah kemiskinan
 C Meningkatkan kerjasama pertahanan
 D Menyuarakan isu semasa negara anggota
- 38 Jadual berikut berkaitan dengan Persatuan Negara Negara Asia Tenggara (ASEAN).

Tarikh	27 November 1871
Tempat	Kuala Lumpur
Peristiwa	Mesyuarat Menteri - Menteri Luar ASEAN

Apakah keputusan yang dicapai hasil mesyuarat tersebut?

- A Penubuhan Pusat Kajian Bahasa Inggeris (RELC)
 B Pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC)
 C Pengisytiharan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)
 D Pembinaan Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik (RECSAM)
- 39 Apakah isu yang dikaitkan dengan wilayah berikut?

- Pulau Sipadan
- Kepulauan Spratly
- Pulau Batu Putih

- A Pangkalan pengganas
 B Pembunuhan etnik
 C Kegiatan lanun
 D Tuntutan sempadan
- 40 Senarai berikut berkaitan strategi jangka panjang Malaysia menuju masa depan.

- Keselamatan makanan
- Komuniti ASEAN
- Zon bebas Nuklear

Apakah matlamat strategi tersebut?

- A Menghapuskan pengganas
 B Menjamin kesejahteraan rakyat
 C Memantapkan kestabilan politik
 D Mengukuhkan pertahanan negara



SUMBER INTERAKTIF :

Sila imbas QR Code ini bagi membolehkan anda akses kepada keratan buku teks untuk menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Pastikan anda melengkapkan GForms ini untuk tujuan penilaian.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Sejarah
Kertas 2
November
2 Jam 30 minit

NO. KAD PENGENALAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

MODUL GEMPUR SPM [SET 5]

SEJARAH
KERTAS 2
2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
3. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan **tiga soalan** daripada **Bahagian B**
4. Tuliskan jawapan bagi **Bahagian A dan B** pada **ruangan jawapan** yang telah disediakan selepas soalan.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Serahkan semula buku soalan kepada pengawas selepas tamat peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1 Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah lambang kejayaan Orang Melayu menghapuskan Malayan Union, perjuangan politik Orang Melayu nampaknya berkesan atas gandingan rakyat dan raja semasa itu.

(a) Siapakah wakil-wakil raja Melayu yang terlibat dalam Jawatankuasa Kerja yang membincangkan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Mengapakah Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah lambang kejayaan Orang Melayu?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Antara cadangan Jawatankuasa Kerja adalah seperti di bawah.

i) Memulihkan kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu

ii) Kenakan syarat kewarganegaraan

Mengapakah tuntutan di atas wajar dikemukakan oleh orang Melayu?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS

*Soalan
Objektif
Kertas 1*



YouTube

*PTM
1948*

2 Kemerdekaan yang diperjuangkan merupakan rentetan perjuangan yang panjang.

(a) Apakah takrif kemerdekaan menurut tokoh Sayyid Jamal al Afghani dan Tun Dr. Mahathir Mohamad?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(b) Kemerdekaan yang diperoleh bukan sahaja memberi kesan terhadap negara kita dari sudut politik dan sosial, namun turut memberikan kesan terhadap ekonomi dalam Rancangan Malaya pertama 1956-1960. Buktikan.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c)



Pengiktirafan sebagai rakyat membolehkan kita mendapat hak asasi. Jelaskan.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS

Soalan
Objektif
Kertas 1



YouTube

Pengertian
Kemerdekaan

3 Dalam buku *Strategy for Action*, Tun Abdul Razak Hussein meminta semua rakyat Malaysia agar lebih berdedikasi dalam usaha membangunkan negara menjadi tanah air yang gembira dan makmur bagi diri sendiri dan anak-anak pada masa depan.

(a) Nyatakan dua cabaran yang dihadapi selepas pembentukan Malaysia.

- i.
- ii.

[2 markah]

(b) Jelaskan cabaran di 3(a).

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti maklumat di bawah.

“Sebuah negara akan menikmati kemerdekaannya jika mempunyai kestabilan ekonomi dan kesejahteraan serta berkongsi kemakmuran dengan sebahagian besar rakyatnya.”
 YB Abdul Taib Mahmud, Menteri Komunikasi dan Kerja Raya dlm.
 The Sarawak Gazette, 31 Ogos 1963.

Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4 Penglibatan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah bermula sejak era Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Penglibatan Malaysia dapat dilihat dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi dan sosial.

(a) Apakah sumbangan Malaysia dalam kepimpinan OIC?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Terangkan peranan Malaysia dalam menangani isu politik di negara Islam .

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Sokongan daripada negara-negara Islam amat penting dalam menangani isu politik yang berlaku seperti masalah pelarian Syria dan peperangan antara Israel dan Palestin.

Pada pandangan anda, apakah bentuk sokongan yang boleh diberikan kepada negara terbabit?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS

Soalan
Objektif
Kertas 1



TikTok

Pergerakan
OIC

Bahagian B
[60 markah]
Jawab tiga soalan sahaja

- 5 Pentadbiran British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu diperkenalkan setelah tentera Jepun menyerah kalah. Pentadbiran ini digantikan pula dengan gagasan Malayan Union yang membolehkan British mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu.
- (a) Jelaskan peranan BMA setelah mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu. [4 markah]
- (b) Terangkan ciri-ciri pentadbiran dan kewarganegaraan yang akan dilaksanakan setelah Malayan Union diisytiharkan. [8 markah]
- (c) Petikan akhbar berikut berkaitan usaha penentangan terhadap Malayan Union.

“Dari padangan sepintas lalu dapatlah diketahui bahawa cadangan Malayan itu menguntungkan orang bukan melayu. Hal ini amat mencemaskan fikiran dan perasaan orang Melayu mengenai hari depan mereka.... Para sultan hendaklah menimbangakan dengan sepenuh hati cadangan Malayan Union ini sebelum menyetuainya.

Sumber: Diubah suai daripada Utusan Melayu, 12 Oktober 1945

Berdasarkan petikan diatas, jelaskan rasional penentangan terhadap Malayan Union dan iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Bahan Interaktif Dalam Talian :



- 6 Usaha menuntut kemerdekaan telah membawa misi kemerdekaan ke London dan telah mendapat persetujuan untuk memberikan kemerdekaan kepada negara kita. Maka, Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dibentuk di samping Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani bagi membentuk sebuah negara merdeka.
- (a) Apakah perkara yang dimasukkan dalam draf perlembagaan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? [4 markah]
- (b) Huraikan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [8 markah]
- (c) Baca petikan berikut.

Generasi Baharu Perlu Hormat Perlembagaan

Generasi baharu harus menghormati kepentingan Melayu dan kedudukan Diraja seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan untuk mengelak kewujudan elemen yang mempersoalkannya, kata Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang.

Menurut Abu Zahar, perbuatan mencaci dan membuat sesuatu gambaran yang amat memalukan boleh disifatkan sebagai menderhaka kepada bangsa. Beliau berkata kalau perkara ini berlaku di negara-negara monarki yang lain, orang yang melakukannya tidak akan terlepas.

“Kalau di negara-negara yang ada monarki, seperti Thailand, mana-mana warganegara yang mencaci Raja akan dikenakan tindakan berat. Jadi, kita hendak warganegara kita hormati cari hidup kita.”

“Kita telah menikmati keamanan dan keharmonian selama ini! Kenapa sekarang? Jadi generasi baru perlu memahami ini,” katanya.

Sumber: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/generasi-baharu-perlu-hormat-perlembagaan-abu-zahar-ujang-73593>

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan dan kepentingan menjunjung keluhuran perlembagaan bagi sesebuah negara. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Bahan Interaktif Dalam Talian :

*Soalan
Objektif
Kertas 1*

PTM
1957

7 Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan Malaysia.

Pada 27 Mei 1961- Tunku Abdul Rahman mengumumkan pembentukan Malaysia pada Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara yang diadakan di Hotel Adelphi, Singapura.

- (a) Nyatakan langkah-langkah Pembentukan Malaysia. [6 markah]
- (b) Huraikan intipati Perjanjian Malaysia. [6 markah]
- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Tidak dinafikan lagi, penubuhan Malaysia yang merangkumi Malaysia, Sabah dan Sarawak telah berjaya membentuk sebuah negara yang aman dan bebas dari pengaruh dan anasir luar khususnya komunis. Komunis adalah musuh utama negara sebelum kemerdekaan dan awal kemerdekaan.

Bagi mengelakkan pengaruh komunis terus berleluasa, kerajaan Tanah Melayu pada waktu itu melihat penggabungan Sabah dan Sarawak serta Singapura dapat menyelesaikan masalah ini. Walaupun pengaruh Komunis berlangsung dalam tempoh 1948 hingga 1960, saki-baki komunis masih lagi ada dan ini telah memperkuatkan lagi usaha Tunku Abdul Rahman pada waktu itu untuk menubuhkan Malaysia.

Setelah Malaysia ditubuhkan, masalah ini telah dapat diatasi sedikit demi sedikit dan ekoran daripada usaha kerajaan, keamanan telah dapat diwujudkan. Hasilnya sehingga ke hari ini, Malaysia telah menjadi antara negara yang bebas dari pengaruh dan anasir asing.

Ini merupakan manfaat yang paling berharga yang telah dinikmati oleh generasi baharu Malaysia kerana dapat hidup dengan aman dan damai. Ini berbeza dengan kehidupan nenek moyang mereka zaman dahulu yang sentiasa hidup dalam ketakutan, kerisauan, kebuluran dan menjadi mangsa kekejaman komunis.

Sumber: <https://news.ump.edu.my/experts/manfaat-penubuhan-malaysia-16-september-1963>

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan langkah-langkah memperkukuhkan penubuhan Malaysia. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google FORMS
*Soalan
Objektif
Kertas 1*



Google FORMS
*Soalan
Objektif
Kertas 1*



TikTok
*Langkah
Pembentukan
Malaysia*

Tulis jawapan pada ruangan yang disediakan.

A large area of horizontal dotted lines provided for writing answers.

Bahan Interaktif Dalam Talian :



Google
FORMS

*Soalan
Objektif
Kertas 1*



Google
FORMS

*Soalan
Objektif
Kertas 1*



TikTok

*Langkah
Pembentukan
Malaysia*

- 8 Malaysia menyuarakan ketidakadilan dalam ekonomi dan bertindak tegas bagi memastikan ekonomi negara tidak terjejas.
- (a) Nyatakan manfaat yang diperolehi Malaysia melalui kerjasama pembangunan ekonomi segi tiga. [6 markah]
 - (b) Terangkan sumbangan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa. [6 markah]
 - (c) Infografik berikut berkaitan matlamat membasmi kemiskinan oleh Kerajaan Madani untuk menjadikan Malaysia Negara maju.

3 MEMPERKASA EKONOMI BELIA LUAR BANDAR

- Transformasi sektor pertanian dan perikanan**
dengan menggunakan teknologi terkini serta menghapuskan orang tengah
- Program Pendidikan Khas Masyarakat luar bandar**
yang bakal memanfaatkan **615,000** peserta
- Meningkatkan kapasiti Program Bantuan Rumah** untuk memperbaiki rumah - rumah daif di kawasan luar bandar
- Warga FELDA** akan dibantu melalui insentif sebanyak RM5,000 kepada setiap peneroka, geran khas bagi penanaman semula serta melupuskan hutang penanaman semula dan hutang pembelian saham FGV
- Transformasi perumahan di pedalaman** dengan menaiktaraf rumah panjang di Sarawak, rumah air di Sabah, rumah orang Asli dan rumah pekerja estet di Semenanjung serta meluaskan liputan bekalan elektrik di Sabah & Sarawak

my Metro

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam infografik tersebut dan beri cadangan mengatasi masalah ekonomi semasa. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

Bahan Interaktif Dalam Talian :

 **Google FORMS**  **TikTok**

Soalan Objektif Kertas 1 *Malaysia Dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa*

KOD QR BAHAN SEJARAH NEGERI PERAK




**Anjung Ilmu
JPN Perak**



**Modul
Kejora 1.0**




**Modul
Kejora 2.0**




**Modul
Kejora 3.0**



**Modul
Kecerdasan
Pelbagai**




**1Stop Centre
K1 Sejarah**




**Tik Tok
Ezy's Sejarah**



**YouTube
Santai Sejarah**




**Open
Classroom
Cemerlang**



**Video PDPC
Sejarah**



**Open
Classroom
Galus**



**YouTube
Bistro Ilmu**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

HAK CIPTA TERPELIHARA.

*Tidak dibenarkan mengeluarkan mana - mana
bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan
modul ini dalam apa juga bentuk
dan cara sama ada secara elektronik,
fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada
Jabatan Pendidikan Negeri Perak*